



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PUAN MASTURA BINTI IBRAHIM  
TOKOH USAHAWAN NASI KAK WOOK**

**OLEH:**

<b>NABILAH AQMAR BINTI RAZALI</b>	<b>2016317511</b>
<b>NOR AMIRA BINTI IBRAHIM</b>	<b>2016728315</b>
<b>NUR HAZIRA NADIRA BINTI HARISI</b>	<b>2016595855</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2018 – JULAI 2018)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA**

PUAN MASTURA BINTI IBRAHIM  
TOKOH USAHAWAN NASI KAK WOOK

OLEH:

NABILAH AQMAR BINTI RAZALI	2016317511
NOR AMIRA BINTI IBRAHIM	2016728315
NUR HAZIRA NADIRA BINTI HARISI	2016595855

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2018 – JULAI 2018)

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah. Pertama sekali bersyukur kehadiran Illahi dengan limpah kurniaNya kerana telah memberikan kami kesihatan fizikal dan mental yang baik sepanjang menyempumakan tugas ini. Akhimya, kami berjaya menyiapkan tugas dengan sempurna dan jayanya.

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Puan Mastura Binti Ibrahim di atas perkongsian maklumat yang telah diberikan berkaitan dengan tajuk tugas kami iaitu makanan tradisional di Kelantan, Nasi Kak Wook. Beliau merupakan individu penting yang banyak membantu dan memberi kerjasama dalam menjayakan tugas ini.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami untuk subjek IMR604 Pendokumentasian Sejarah Lisan iaitu Puan Nurulannisa Binti Abdullah kerana telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada kami. Kami sangat menghargai jasa pensyarah kami kerana telah memberikan bantuan, dan nasihat yang amat berguna sepanjang menyiapkan tugas yang diberikan. Jasa beliau akan kami kenang hingga ke akhir hayat, hanya Allah yang dapat membalasnya.

Seterusnya, terima kasih juga kepada ibu bapa kami kerana memberikan sokongan, dorongan dan semangat kepada kami sepanjang menyiapkan tugas. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu sehingga membolehkan kami berjaya menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Akhir sekali, terima kasih kepada pihak-pihak yang telah membantu kami secara langsung atau tidak langsung sepanjang kami menyiapkan tugas ini.

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	ii
Isi Kandungan.....	iv
Abstrak.....	vi
Biodata Tokoh.....	viii
Pengenalan.....	x
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	2
Bahagian 2: Pendidikan dan Pelajaran.....	3
Bahagian 3: Pencapaian dan Pengiktirafan.....	4
Bahagian 4: Perniagaan Nasi Kak Wook.....	5
Bahagian 5: Inovasi.....	20
Bahagian 6: Masalah dan Isu.....	22
Bahagian 7: Hak Cipta Terpelihara.....	34
Bahagian 8: Harapan dan Nasihat.....	39
Senarai Soalan.....	44
Log Wawancara.....	53
Diari Kajian.....	56
Indeks.....	59
Rujukan.....	65
Lampiran	
Surat Perjanjian.....	67
Gambar.....	68

# **ABSTRAK**

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini adalah di antara pelajar bersama tokoh usahawan iaitu Puan Mastura Binti Ibrahim mengenai makanan tradisional di Kelantan iaitu Nasi Kak Wook. Transkrip temubual ini dijalankan di Restoran Nasi Kak Wook, Jalan Telipot, Kota Bharu, Kelantan pada hari Jumaat, 4 Mei 2018 bermula jam 11:00 pagi. Puan Mastura Binti Ibrahim merupakan salah seorang anak alahyarhamah Mek Wook Bin Hasan iaitu pengasas Nasi Kak Wook yang sebenar. Puan Mastura adalah anak keempat yang meneruskan legasi perniagaan Nasi Kak Wook ini dan temubual ini juga menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang Puan Mastura Binti Ibrahim dan juga salasilah keluarganya serta asal usul makanan tersebut. Ketika temuramah ini berlangsung, kami dapat mengetahui banyak maklumat berkaitan Nasi Kak Wook. Antarannya, asal usul Nasi Kak Wook serta pengalaman dan cabaran sepanjang Puan Mastura Binti Ibrahim mengusahakan perniagaan Nasi Kak Wook. Puan Mastura Binti Ibrahim juga ada memberikan serba sedikit harapan, pendapat, pandangan dan nasihat beliau.*

**Kata kunci:** *Nasi Kak Wook, tradisional, turun-temurun, hak cipta, harmoni.*



# **BIODATA TOKOH**

# BIODATA TOKOH



1.	<b>Nama</b>	:	Mastura Binti Ibrahim
2.	<b>Nama Samaran</b>	:	Kak Mas
3.	<b>Warganegara</b>	:	Malaysia
4.	<b>Umur</b>	:	46 Tahun
5.	<b>Tempat Tinggal</b>	:	Belakang Sekolah Zainab 2, Jalan Telipot, 15150 Kota Bharu, Kelantan
6.	<b>Adik beradik</b>	:	5 orang
7.	<b>Anak yang ke</b>	:	4
8.	<b>Pekerjaan</b>	:	Kerani Sekolah dan Pengusaha Restoran
9.	<b>Status</b>	:	Sudah berkahwin
10.	<b>Nama Suami</b>	:	Encik Abdul Aziz Bin Ahmad
11.	<b>Cahaya Mata</b>	:	2 orang

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Transkrip ini mengandungi sesi wawancara bersama Puan Mastura Binti Ibrahim yang telah dijalankan pada hari Jumaat, 4 Mei 2018 jam 11.00 pagi di Restoran Nasi Kak Wook, Jalan Telipot, Kota Bharu, Kelantan. Beliau merupakan seorang kerani di Sekolah Kebangsaan Padang Garong 1 dan seorang usahawan Nasi Kak Wook yang telah meneruskan legasi perniagaan ibunya. Beliau meneruskan legasi perniagaan Nasi Kak Wook bersama suaminya dan adik-beradik beliau yang lain.

Puan Mastura Binti Ibrahim telah dilahirkan di Kampung Lundang, Kota Bharu, Kelantan. Beliau merupakan anak keempat daripada lima adik-beradik, berstatuskan sudah berkahwin. Hasil perkahwinannya bersama Encik Abdul Aziz Bin Ahmad, mereka telah dikurniakan dua orang cahaya mata. Transkrip wawancara ini dijalankan selama sejam tiga puluh empat minit dan penumpuan sesi wawancara ini menjurus kepada latar belakang, pendidikan, pencapaian dan pengiktirafan, maklumat perniagaan, inovasi, masalah dan isu dihadapi, hak cipta terpelihara, dan harapan dan nasihat beliau dalam bidang keusahawanan.

Transkrip ini menceritakan tentang latar belakang beliau beserta latar belakang perniagaan Nasi Kak Wook. Pengasas utama Nasi Kak Wook ialah Mek Wook Binti Hasan, iaitu ibu kepada Puan Mastura dan selepas kematian Mek Wook, perniagaannya telah diambil alih oleh anak-anaknya dan legasi perniagaannya diteruskan sehingga sekarang. Transkrip ini juga menceritakan tentang pengalaman dan cabaran beliau sepanjang menjalankan perniagaan ini di mana terdapat pelbagai isu dan masalah yang berlaku terutamanya masalah penggunaan nama Nasi Kak Wook secara meluas oleh peniaga-peniaga luar.

Selain itu, beliau juga berkongsi tentang pandangan beliau terhadap bidang usahawan di negara kita. Melalui pengalaman beliau dalam perniagaan Nasi Kak Wook, beliau menasihati kepada usahawan-usahawan di luar sana supaya mendaftarkan perniagaan mereka di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) supaya harta intelek mereka dijaga di bawah akta terpelihara. Puan Mastura juga berharap agar lebih ramai anak-anak muda menceburi bidang usahawan terutama perniagaan melibatkan makanan tradisional di Kelantan.

# TRANSKRIP

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**Petunjuk:**

NAR: Nabilah Aqmar Binti Razali

PMI: Puan Mastura Binti Ibrahim

**NAR:** Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Nur Hazira Nadira, Nabilah Aqmar dan Nor Amira bersama Puan Mastura mengenai pengalaman beliau sepanjang menguruskan perniagaan Nasi Kak Wook. Temubual ini dijalankan pada 4 Mei 2018 di restoran Nasi Kak Wook Cawangan Telipot, Kelantan, Malaysia. Assalamualaikum puan. Sebagai permulaan perbualan kita pada hari ini, boleh puan ceritakan serba sedikit latar belakang puan. Siapakah nama puan? Nama panggilan puan dan seterusnya.

**PMI:** Baik. Assalamualaikum; terima kasih kepada Nur Hazira Nadira Binti Harisi, Nabilah Aqmar Binti Razali dan Nor Amira Binti Ibrahim kerana sudi menemubual sayalah pada pagi ini. Nama kak ialah Mastura Binti Ibrahim. Umur kak sekarang *empat puluh enam* [46] dan berasal di kampung Lundang inilah. Tempat tinggal kak pula dekat belakang Sekolah Zainab 2. Adik beradik pula seramai lima orang. Saya ini anak ke empatlah, sudah berkahwin dan mempunyai dua orang cahaya mata. Suami namanya Encik Abdul Aziz Bin Ahmad dan dia berasal daripada Kampung Dewan Beta, dan pekerjaan suami kak juga menyambung warisan Nasi Kak Wook ini.

## **BAHAGIAN 2: PENDIDIKAN DAN PELAJARAN**

**NAR:** Baiklah puan. Seterusnya kita akan beralih ke sesi pendidikan dan pelajaran yang puan telah terima. Sehingga tahap manakah puan melanjutkan pelajaran puan?

**PMI:** Sebenamya kalau tengok *level* [tahap] pun kita sudah tahu dah *level* [tahap] kita mana. Cara kita penampilan pun orang sudah tahu dah *takdelah* [tidak ada] sampai ke menara gading, setakat *SPM* [Sijil Peperiksaan Malaysia] sahaja. Saya mendapat pendidikan daripada Sekolah Menengah Zainab, pencapaiannya hanya setakat *SPM* [Sijil Peperiksaan Malaysia].

### BAHAGIAN 3: PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN

**NAR:** Kita ke sesi yang seterusnya iaitu pencapaian dan pengiktirafan. Bolehkah puan kongsikan berkenaan pencapaian yang telah puan perolehi semasa berniaga ini, dalam menyertai program keusahawan atau apa-apa pencapaian yang puan dapat melalui perniagaan puan ini?

**PMI:** Okay. Setakat ini pencapaiannya tidak adalah berkenaan dapat *award* [anugerah] (ketawa) ke apa *takde* [tidak ada], kami hanya *satu* [1] sahaja menyambung warisan orang tua. Menyambung warisan yang ditinggalkan orang tua dan seseolah macam kita menjaga tanah air kita. Saya letakkan perumpamaan begitu, nak masyarakat memahami apabila kita mempunyai satu seolah-olah hartalah tanah air adalah harta yang diwarisi oleh generasi dahulu kepada kita, begitu juga dengan warisan yang ditinggalkan oleh ibu bapa saya inilah. Jadi, seelok-eloknya kita jagalah *sapa* [sampai] orang menjajah sama juga dengan *konteks* [kandungan] Nasi Kak Wook ini. Kami pun tidak mahulah harta intelek ini, seolah-olah harta inteleklah dijajah oleh orang yang kita tidak kenali. Jadi, saya ambil rasa tanggungjawab itu jaga warisan yang orang tua tinggal dan saya harap generasi seterusnya macam itu juga.



#### **BAHAGIAN 4: PERNIAGAAN NASI KAK WOOK**

**NAR:** Baiklah puan. Untuk sesi ke seterusnya, marilah kita memulakan seisi utama temuramah ini iaitu maklumat berkenaan perniagaan Nasi Kak Wook. Bilakah perniagaan Nasi Kak Wook ini mula beroperasi?

**PMI:** Sebenarnya kalau mengikut tarikh lahir kak, kak lahir itu memang sudah wujud. Kalau selebihnya sebelum akak, kakak-kakak, abang-abang itu kena tanya dia lah dulu pula. Mungkin semasa dia membesar itu, mungkin ada permulaan perniagaan lainlah tetapi kak dilahirkan pada tahun *tujuh puluhan* [70an]. Bila akak lahir itu akak sudah nampak sudah dia telah mengusahakan Nasi Kak Wook ini lah, kita boleh dikatakan mulai dari tahun 1970.

**NAR:** Siapakah pencetus dan pengasas utama perniagaan Nasi Kak Wook ni?

**PMI:** Pencetus utamanya ialah tidak lain tidak bukan, arwah ibu kami sendirilah. Ibu kak sendirilah Mek Wook Binti Hasan dan dia pun pula macam-macam yang dia menceburi bidang ini, tidak satu perkara sahaja untuk *survive* [kekalkan] kami sekeluarga. Jadi, macam-macam dia ceburkan diri dia dalam bidang inilah orang *Kelate* [Kelantan] panggil *tok peghaih* [saudagar] kalau bahasa surat dia usahawan lah. Usahawan itu tidak kiralah dari segi membuat tikar, dari segi dia pernah bercerita dengan akak, kedai runcit lepas itu pergi ke Singapura ambil barang-barang di Singapura *wak* [bawa] balik ke sini, macam-macamlah waktu itu versi mungkin versi kampung kak itu memang budayanya begitu. Waktu itulah waktu *tujuh puluhan* [70an], *lapan puluhan* [80an].

**NAR: Berapa lamakah puan telah menceburi bidang perniagaan Nasi Kak Wook ini?**

PMI: Kalau nak kira berapa lama bidang ini kita kira selepas *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] lah 1889 *start* [mula] di situlah. Arwah *start* [mula] pada tahun *tujuh puluhan* [70an], jadi saya mula menceburi bidang ini yang di *polish* [gilap] oleh ibu ini tahun 1989.

**NAR: Bolehkah puan berkongsi serba sedikit tentang pengalaman perniagaan Nasi Kak Wook puan?**

PMI: (ketawa) Kalau nak cerita pengalaman ini banyak tetapi kak pilih-pilihlah. Selepas kita habis *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia], kita *concentrate focus* [beri perhatian] kepada meneruskan inilah warisan ini. Apabila kak duduk bersama arwah ini selalu bekerja kuat, kita orang muda itu *takleh* [tidak boleh] nak ikut dia. *Nok-nok* [tambahan] bulan puasa. Bulan puasa itu Ya Allah, kalau tengok dalam bulan puasa itu kami bulan puasa kami menjual lauk-pauk bersama arwah bersama kakak (batuk) dengan ayahnya sekali dan kami adalah pekerja-pekerja disekitar kampung ini yang tidak mahu duduk diam semasa bulan puasa, dia pergi ke rumah dan menawarkan dirilah untuk ada kerja kosong ke tidak. Dari situ kalau bulan puasa, seingat akak satu meja ini kak pun rasa hairan macam mana ibu kami boleh buat dengan dia punya rasa tidak masin semua rasa ada. Kalau nak kira bulan puasa tetapi kami pun, itu mungkinlah keistimewaan yang Tuhan bagi sudah *kat* [dekat] dia *dok* [kan]? Kita apa-apa ini kena ingat asal punca kita daripada Allah. Jadi bakat kita yang ada ini sebenarnya dulu-dulu kita tidak tahu kita tidak *korek* [cari]. Rupa-rupanya bakat kita daripada situ. Kita tidak boleh pergi jauh dalam pelajaran tetapi rupa-rupanya Allah sudah bagi potensi manusia ini disitu. Jadi kita kena *korek* [cari] potensi kita lah jadi apa tadi? Dari segi pengalaman, arwah ini selalu bekerja kuat. Dulu kita tidak pakai santan yang segera, jadi daripada sebiji kelapa

kita kena *kopek* [kupas] kan? Kena cangkil isinya, kena mesin, *nyior* [kelapa] kena mesin. Selepas itu, mesin kita kena ini, kena perah pulak. Berapa besen *eh* [ya] ? Tiga besen. Jadi, apabila kak masa tenaga kita tengah muda kita tolong mak ayah kita kesannya sekarang ini kak habis jadi apa? Jadi kebas-kebas. Haa kebaslah kesan daripada *kito* [kita] muda-muda *dok* [duduk] buat kerja itu jadi nak pengalaman kita memang, dulu kita nak dapatkan kelapa itu senang tetapi nak menjadikan santan itu, berapa proses yang kita kena lalui. Pukul *lima* [05.00] pagi sudah kena siap sudah mesin kelapa. Bayangkan *lima* [05.00] pagi orang *dok tido* [sedang tidur] lagi. Itu lah jadi akak resepi arwah ini rasa-rasanya tidak lari daripada resepi orang *Kelate* [Kelantan] lain sama sahaja. Dia pun mempunyai apa? Katakanlah dalam diri ini dia sudah ada lauk-lauk, dia sudah ada misalnya dia nak buat teresek [makanan tradisional], ajin [pernah] dengar tidak teresek [makanan tradisional] ? Teresek [makanan tradisional] itu makanan orang tua dulu-dulu kalalah. Bulan puasa ada buat. Jadi, macam-macam cabang di dalam diri dia itu, banyak menu bukan satu ini sahaja. Banyak menu kami ini tetapi tidak sempat nak orang kata apa? Penat-penat kerja kadang-kadang itu ada yang (ketawa kecil) mengandung, gugur adik-beradik kami sebab dia bekerja terlalu kuat. Bayangkan *lima* [05.00] pagi kami sudah mesin kelapa, kita kira pukul *lima* [05.00] pagi lah sampai pukul *tiga setengah* [03.30] pagi, pukul *tiga setengah* [03.30] pagi itu sampailah pukul *dua belas* [12.00] pula kena apa? Kena sediakan menu untuk bersesuaian pada waktu itu kami berniaga Mee Goreng, *Mee Kuoh* [Mee Sup] *ore* [orang] *Kelate* [Kelantan] panggil pahtu [selain itu], Nasi Goreng, Tomyam tetapi yang basic [utama] ini nasi ini kami tetap adalah sampai ke malam. Tetapi yang sebelah malam, kami *slow* [perlahan] sikit, kami lebihkan Mee Goreng, Nasi Goreng, Tomyam semua. Cara kami sendiri bukan kata daripada masakan panas daripada Thailand yang masuk ke Kelantan. Jadi pengalaman itu, tahun *lapan puluh sembilan* [89] *sembilan puluhan* [90an] sehingga *sembilan puluh empat* [94], *sembilan puluh lima* [95], *sembilan puluh tujuh* [97] lah

akhirnya *sembilan puluh tujuh* [97] kak beralih bidang kak bekerja sekaranglah bekerja sebagai kerani sahaja dekat Sekolah Kebangsaan Padang Garong 1. Jadi, kalau nak cerita pengalaman itu kak pilih sikit sebahagian sahajalah nak bercerita memang panjanglah pengalaman itu. Macam-macam orang menempuh cara orang apabila kita nampak potensi itu biasalah ada halangan-halangan, cabaran-cabaran, jadi kami teruskan juga. Itulah sebahagian sahaja yang dapat akak ceritalah pengalaman.

**NAR:** Mengapakah puan memilih bidang perniagaan Nasi Kak Wook ini berbanding dengan perniagaan-perniagaan lain dan puan tadi cakap yang puan juga bekerja sebagai kerani so [jadi], puan ada dua kerja dan kenapa puan memilih perniagaan Nasi Kak Wook ini instead of [bukannya] pekerjaan perniagaan lain?

**PMI:** Maksudnya, kak sudah ada bidang akak sendiri yang akak sudah ceburi sekarang tetapi masih lagi nak meneruskan perniagaan peninggalan orang tua ini. Sebenarnya macam tadilah kak bagitahu walaupun kemana sahaja kita pergi sudah jiwa kita ini *tokleh* [tidak boleh] lari daripada orang kata asal-usul, orang kata kita lahir kita *dale* [dalam] persekitaran macam ini, kita jadi minat ditambah pula kita ada orang kata asas itu sudah ada kena *polish* [gilap] sahaja. Kita sudah tengok sudah orang tua kita macam mana dulu kita nampak dah gambaran dia macam mana, kita kena *polish* [gilap] sahaja. *Ado doh* [sudah ada] *basic* [biasa] kerja kita *tuhe* [Tuhan] tetapkan sudah kita hidup atas dunia ini mesti ada *kijo* [kerja] kan? Jadi *basic* [asas] kita sudah ada jadi kenapa kita nak tinggalkan *basic* [asas] itu. Sebab potensi kita sudah ada di situ, *kijo* [kerja] kita hanya gilap sahaja, gilap-gilap begitu juga generasi *hok ake date* [yang akan datang]. Kalau awak *perase* [perasan], ada satu keluarga *of Nik* [kedai] dekat Jalan Merbau. Kalau awak tahu dia punya salasilah sikit sebanyak dia mengusahakan *makane* [makanan]

tepung telur. Awak generasi muda awak tahu tidak tepung telur itu apa? Dia menjalankan perniagaan tepung dengan telur. Maknanya bahan-bahan asas dia itu, jadi keluarga dia itu tidak lari mesti nak buat benda ini *serupo jugok* [sama juga] dengan kita sebab dia punya pertalian keturunan sudah ada dalam jiwa dalam *body* [badan] masing-masing banyak sedikit. Jadi kerja kita ialah untuk terjemahkan potensi kita itu kita jadikan dia satu komersial, menyambung potensi *hok* [yang] telah ada.

**NAR: Puan, adakah puan sudah berdaftar dengan pihak SSM iaitu Suruhanjaya Syarikat Malaysia?**

PMI: Tidak silap kak tahun 2002, ataupun alaf baru mula tahun 2000 lah, tidak silap lebih kuranglah. Kalau tidak 2000, 2002 kami mendaftar dengan SSM [Suruhanjaya Syarikat Malaysia] lah.

**NAR: Apakah resipi Nasi Kak Wook yang membuatkan ramai orang memenuhi perniagaan ini setiap hari? Apakah kelainan dan keistimewaannya nasi ini?**

PMI: Kelainan dan keistimewaan itu saya tidak boleh nak saya sendiri pun tidak tahu apa sebenarnya sebab orang lain pun berniaga sama juga. Jadi, kena tanya pelanggan-pelanggan apakah sebabnya dia jadi macam satu kegemaran kalau orang nak buka kedai mesti kena letak nama Kak Wook. Kak sendiri pun tidak tahu tetapi kalau kita tengok banding dengan peniaga-peniaga lain pun macam itu jugak, apa yang dia nak saya pun tidak tahu. Sebenarnya kami ini buat berniaga ini sama dengan peniaga-peniaga lain lah juga orang *kelate* [Kelantan] panggil ini nasi berlauk, nasi berlauk Kelantan kalau kita pergi sebelah luar, nasi berlauk dia tidak panggil nasi berlauk dia

panggil nasi campur kan? Jadi beginilah, senangnya macam kak ceritakan tadilah, kita nak *make* [makan] ke mulut kita, kita nak sedap kan? Lepas itu kita nak jual pun mesti kena sedap *jugok* [juga] lebih *pado* [dari] itu lah kena buat kan? *Lepastu* [Selepas itu] selebihnya ialah kita kena menyediakan menu itu seolah-olah *mace* [macam] *gapo* [apa] *ore* [orang] panggil memasak dengan rasa kasih sayang *tidok kato* [tidak seperti] *takat muat* [ikut suka hati]. Apa yang ada, apa yang tiada kita campak sahaja, *buke* [bukan] macam itu sebenarnya. Kita nak buat nak *service* [perkhidmatan] dekat orang lain biar sama kita nak memasak *kat* [dekat] anak-anak kita, *mok* [emak] kita, *masok* [masak] *ko* [pada] kita dengan penuh rasa *saye* [kasih sayang]. Jadi lahirlah mungkin minat tu *ore* [orang] ramai disebabkan kita buat masakan itu dengan rasa kasih sayang, jadi *tidok kato* [tidak seperti] tidak cukup alat tidak cukup bahan “ahhh lantak jelah, kita letak jelah kita nak jual *buke* [bukan] nak *make* [makan] kita” *tok leh* [tidak boleh] konsep itu. Kita buat *make* [makan] ini lagilah rasa penuh *kasih saye* [kasih sayang] yang mendalam bukan setakat perkataan diluar sahaja. Cuba adik bayangkan macam mana *ore masok* [orang yang memasak] dua orang lepas itu *tibo-tibo* [tiba-tiba] bahan tidak cukup, orang *hok* [yang] *kasih saye* [kasih sayang] ini *tok akei* [tidak akan] buat, dio relo [dia rela] lepas “tak payah buatlah sebab alat tok [tidak] cukup”, orang yang nak komersial saja “*alaa takpelah* [tidak mengapa] kita guna benda yang ringkas-ringkas”. Kak bukan macam itu. Kalau kita nak berniaga nak *service* [bagi perkhidmatan] orang, betul-betullah *tak dok* [tidak] apa yang *dio* [dia] nak kami *raso* [rasa] kecewa sangat *buke* [bukan] setakat dia sahaja kecewa, kita kecewa *kalu* [kalau] benda hok dia nok [yang dimahukan] itu *tak dok* [tidak ada] kita rasa bersalah. Daripada situ, kita ambil rasa tanggungjawablah *nok buat lagumano* [mahu buat bagaimana] nak orang rasa tidak kecewa, haaa [iya] begitu. Tidak kata nak pada nilai komersial sahaja, bukan nilai duit sahaja, kita nampak duit sahaja. Kita suka kalau orang makan itu dia punya perut lapar itu terbelah rasa *kenye* [kenyang] “mujurlah awak *serve* [hidang] *makane ko* [hidangkan

makanan pada] saya tadi lauk *ni jah* [ini sahaja] lauk dengan kuah *jah* [sahaja]" tetapi dengan rasa kemanusiaan kita bagi pada dia, dia rasa "ooo cukuplah ada dua lauk ini, sambal dengan kuah telah buat saya *kenye* [kenyang] sudah". Itu kepuasanlah bagi kita *buke* [bukan] kata ambillah ala kadar kan? Kita *raso mace* [rasa macam] orang *mari* [datang] itu dengan harapan dia nak bagi duit pada kita kan? *Keno* [kena] ambillah rasa tanggungjawablah kita kata nak *serve* [hidang] orang ini kita nak bagi makan dekat orang ini bukan kata nilai duit sahaja, nilai nak *buwi* [bagi] dia rasa *kenye* [kenyang] puas hati itulah apa kita panggil petualah, sebahagian petualah. Tidak kata sekadar nak berniaga, orang buka kedai, kita buka kedai. Lepas itu *makane* [makanan] pula ala kadar *gitu jah* [begitu sahaja] saya pun nak *royak* [bagitahu] nak menjiwai itu tidak tahulah sampai ke tidak kepada awak semua, menjiwai seorang ibu nak memberi *make* [makan] pada anaknya. (ketawa)

**NAR:** Puan, bolehkah puan terangkan waktu operasi peniagaan Nasi Kak Wook ini? Bila Nasi Kak Wook ini *start* [mula], pukul berapa?

PMI: Okay, macam ini. Masanya macam dululah *start* [mula] *tujuh* [07.00] *am* [pagi] atau *lapan* [08.00] *am* [pagi] hingga *tiga setengah* [03.30] *pm* [petang] itu sahaja.

**NAR:** Puan, bilakah perniagaan ini ditutup untuk seminggu, pada hari apakah perniagaan ini ditutup?

PMI: Kalau dulu perniagaan kami ini, Jumaat kami tutup tetapi sekarang ini bila hari Jumaat kadang-kadang orang suruh berniaga tiada tempat *diorang* [mereka] nak pergi makan ada juga. Sebab banyak kedai tutup jadi kami pun terpaksa buka hari jumaat dan

sekarang ini kalau dikira adalah adik-beradik kami tutup hari jumaat untuk memberi peluang kepada urat saraf kita pun nak berehat juga, tetapi ada antara kedai ini dia membuat sistem giliran pandai-pandailah gilirannya dia tak kira hari apa kalau nak cuti dia cuti. Haa *gitu* [begitu] (ketawa kecil).

**NAR:** Puan, selain dari Nasi Kak Wook, apakah hidangan lain yang dijual di kedai puan?

**PMI:** Kalau dulu kak wook sendiri dia ada banyak menu dia pandai membaca cita rasa orang. Kalau kita tengok menu yang asas makanan ini sahaja disebabkan kita tidak sempat nak buat yang lain-lain. Sebenarnya menu ini banyak jadi satu ini sahaja yang kita sempat menu yang lain kita tak sempat satu ini sahaja pun kita sudah tidak sempat nak buat menu lainkan jadi kalau nak menjawab *soale* [soalan] adik tadi *meme* [memang] banyak menu kita buat bersama dengan arwah contohnya dari segi komuniti *kawase* [kawasan] kampung kita ini dia minat Tomyam versi kita ada sayur-sayur goreng lepas itu ada jenis-jenis makanan traditional Solok-solok Lada kan versi-versi *Kelate* [Kelantan]. Jadi disebabkan masa sekarang sudah berubah generasi *loni* [sekarang] nak serba ringkas jadi *hok ni* [yang ini] satu menu pun kita sudah tidak sempat nak *serve* [hidang] jadi kami kekalkan yang satu ini. Nanti potensi akan datang itu kami ada *vision* [visi] untuk menjadikan pusat itu, satu kedai itu kami nak timbulkan kembali nostalgia arwah mak kamilah dia buat berbagai-bagai variasi lauk ini iaitu *vision* [visi] lah tetapi (ketawa kecil) sekarang tidak lagi mungkin satu hari nanti.



**NAR:** Puan, berapakah cawangan perniagaan Nasi Kak Wook ini? Dan dimanakah lokasi?

**PMI:** Lokasi ya? Cawangan dan lokasi ya? Okay macam ini, sekarang ini adik beradik kami ada *lima* [5]. Jadi *lima* [5] lah kedai di tambah pula yang lain-lain ada *lapan* [8] baru ini *enam* [6], tumbuh pula *dua* [2] cucu Kak Wook jadi kami ada *lima* [5] sudah, beranak pula *tiga* [3] cucu dia pula (gelak). Jadi disekitar Kota Bharu sahaja tiada di Pasir Mas setakat ini, Kuala Krai, Machang, KL [Kuala Lumpur] lagilah tiada di sekitar Kota Bharu sahaja *lapan* [8] sekarang ini.

**NAR:** Siapakah yang menguruskan bagi setiap cawangan itu?

**PMI:** Yang menguruskan? Yang menguruskan macam ini lah adik kalau namanya apa Ahmad, Ahmad lah yang uruskan kalau adik beradik kami nama Zainab, Zainab lah yang uruskan kami tidak bergabung menjadi satu. Masing-masing *account* [akaun] lah. *Tak kei* [tak kan] lah kita nak pergi secara logik pun memang macam itulah.

**NAR:** Puan, siapakah yang menguruskan kewangan perniagaan Nasi Kak Wook ini?

**PMI:** Bahagian kewangan ini macam inilah adik, kewangan ini masing-masinglah. Dalam satu kedai itu kena ada *dua* [2] kepala lah seelok-eloknya jaga duit dan satu kepala yang menjaga citarasa, macam itulah.

**NAR:** Untuk perniagaan puan ini, yang menjaga bahagian kewangan puan dengan?

**PMI:** Untuk perniagaan saya ini?

**NAR:** Branch [cawangan] di Telipot?

**PMI:** Di Telipot ini dia dekat situ dua [2] beradik jadi satu [1] itu dia sudah *manage* [urus] kewangan dia dah tahu hari ini kena *aye* [ayam] berapa kilogram [KG] kena beras berapa kapit lepas itu dari segi sayur apa tadi ayam kan? dari segi bahan mentah ini dia sudah tahu sudah jadi kewangan katakan lah Nor Hidayah jadi, Nor Hidayahlah yang *manage* [urus] kewangan itu, tetapi *manage* [urus] kewangan ini tidak susah perniagaan kami nampak macam gah tetapi sebenarnya dia berkonsepkan warung sahaja, warung bukannya susah sangat. Cumanya dari segi kita nak *conduct* [urus] pelanggan dengan perkerja itu sahaja yang asas nak jaga citarasa gulai semua itu, itu satu kepala lain pula, seseeloknya ada dua [2] lah.

**NAR:** Baiklah puan. Pernahkah puan mendapat tawaran menjadi katering untuk majlis-majlis seperti kenduri kahwin, pertunangan, akikah dan sebagainya?

**PMI:** Macam ini. Pernah lah kalau nak dapat tempahan itu tetapi satu *je* [sahaja] yang kita *bimbe* [timbang], apabila orang menempah ini, dia kena ada komitmen dengan *buke* [bukan] sekadar kita nak *wi* [beri] *serve* [hidang] kita itu, sekadar kita nak tinggal *gitu jah* [begitu sahaja]. Kalau kita nak *serve* [hidang], kita kena jaga juga dari segi orang *ambik-ambik* [mengambil] lauk itu semasa hidangan itu. Kami cukup sensitif kalau bila kita hidang, makanan itu terbuang. Itu sensitif lah juga tetapi kami *tak* [tidak] – ada

orang menempah tetetapi tidak banyak lah *gitu* [begitu]. Kami ambil tempahan tetetapi tidak banyak.

**NAR: Adakah puan mempunyai pelanggan tetap di kedai puan?**

PMI: Pelanggan ini genarasi arwah ibu pun ada lagi. Kadang-kadang *diaorang* [mereka] *mari* [datang] cari sebab penggunaan Nasi Kak Wook ini secara meluas ini sudah sedia maklum kan, jadi *diaorang* [mereka] ini kalau kita letak sekarang ini, kak mengambil pendekatan meletakkan gambar arwah. Jadi dengan harapan, apabila dia tengok gambar arwah, generasi semasa mak kami meniaga itu, dia dapat kenal, dia datang lah. Itu baru dia rasa betul-betul yang arwah Kak Wook punya lah.

**NAR: Baiklah. Pernahkan puan didatangi pelanggan luar dari Kelantan hanya untuk Nasi Kak Wook puan?**

PMI: Pernah daripada Kedah, daripada yang *KL* [Kuala Lumpur] ini memang kalau cuti sekolah, memang daripada sebelah luar lah *mari* [datang] dapat pencerahan (ketawa). Kadang-kadang dia tanya, *lepas tu* [selepas itu] kami tidak menjadi masalah sebenarnya orang nak meniaga ini, meniaga lah. Itu sudah bagus mempunyai semangat meniaga, tetetapi satu *je* [sahaja], jangan mengheret nama. Apabila mengheret nama orang ini, walau kita atas kita sendiri kan, kita nak kita ambil peluang, okay kita nak ambil *KFC* [Kentucky Fried Chicken] itu menjadi - kita nak heret nama mana boleh kan? Mesti kena *same* [saman] kan *KFC* [Kentucky Fried Chicken] kalau kita mengheret nama dia kan? Itu jenama-jenama besar. Jadi begitu lah juga harapan kak nya. Kalau nak meniaga itu, meniaga lah dengan secara harmoni. Kita suka itu, tetetapi jangan mengheret nama.

Apabila mengheret nama, memberi implikasi, memberi *kese* [kesan], reputasi kita menjadi buruk lah *gitu* [begitu].

**NAR:** Berapakah anggaran pelanggan puan dalam sehari?

PMI: Anggaran ini kita kira macam, (mengeluh) kak ini kalau duduk, tidak pernah mengira (ketawa) sebenarnya. Agak-agaknya kalau kak kata 100 orang logik tidak? Logik tidak 100 orang?

**NAR:** Semasa saya pergi tadi logik.

PMI: Logik? Itu lah. Kak tidak pernah mengambil kira, sebabnya kita nak *serve* [hidang] orang ini, seseolah orang *mani* [datang] kenduri rumah kita. *Gitu jah* [Begitu sahaja]. Kak pun *tokde* [tidak sempat].

**NAR:** Berapakah anggaran masa yang diperlukan untuk menghabiskan jualan akak dalam masa sehari?

PMI: Ya, macam mana?

**NAR:** Anggaran masa yang diperlukan, contohnya akak buka sampai 3.30, tetapi selalunya pukul berapa dia [jualan] akan habis? 3.30 habis ke atau selalunya habis awal ke atau macam mana?

**PMI:** Dengan bahan yang kita nak jual itu? Macam ini lah anggarannya. Kalau kita *start* [mula] pukul 07.00 [pagi] sehingga pukul 03.30 [petang], kita perlukan ayam ini lebih kurang dalam 150 kilogram rasanya. Okay. Lebih kurang lah itu. 150 kilogram ayam, beras dua kampak ataupun tiga, antara itu lah. *Lepastu* [Selepas itu] yang santan pula, santan ini kak rasa-rasalah, sebab kak pun jarang-jarang dah pergi sekarang ini. Kalau dulu lah, dalam berapa kilo eh? Dua puluh atau kurang lah. Mungkin dalam lima belas kilogram, lebih kurang macam itu lah. Anggaran masa kak dah bagitahu tadi. Pukul 3.30 [petang] dan ayam sebanyak itu, beras sebanyak itu dan bahan mentah santan itu lebih kurang lah. Kak pun lupa santan itu, tidak berapa tepat sangat itu, anggaran jelah.

**NAR:** Berapakah bilangan pekerja yang ada di cawangan puan ini?

**PMI:** Kalau bilangan pekerja dekat sini lapan orang macam itulah.

**NAR:** Untuk cawangan lain, puan tahu?

**PMI:** Untuk cawangan lain kalau akak tengok itu dalam empat orang, dalam tiga. Antara lapan hingga sepuluh sahaja dekat sini. Lebih kurang itu lah. Empat, enam, lapan, sepuluh ke bawah lah.

**NAR:** Untuk barangan bahan mentah akak seperti ayam, beras, sayur, santan, adakah puan mempunyai pengedar di luar daripada luar Malaysia? Seperti Thailand atau negeri lain.

**PMI:** Setakat ini *takde* [tiada]. Kalau kak nak pergi beralih ke *KL* [Kuala Lumpur] itu pun kak takut dah, takut tidak mendapat santan *fresh* [segar]. Sekarang ini kak mendapat tahu *diaorang* [mereka] guna santan kotak kan?

**NAR:** Untuk setiap cawangan yang ada, adakah dia menggunakan pengedar yang sama?

**PMI:** Tidak, pengedar lain-lain. Sama macam tadi lah, kalau Ahmad punya kedai, Ahmad lah. Pisau duduk di dia, *mentimun* [timun] pun duduk di dia, dia punya cerita lah. Itu lah, dia tidak sama.

**NAR:** Pengedar puan itu menyediakan perkhidmatan penghantaran atau puan yang pergi beli dekat *diaorang* [mereka]?

**PMI:** Okay. Dia sebenarnya, mula-mula kami pergi. Lama-lama bila dia tengok kami pergi, dia kata biar saya pergi hantar lah. Sekarang ini, dia hantar lah tetetapi ada juga yang kami kena pergi. Kira kalau banyak nya, banyak dia hantar lah. Pengedar itu *marī* [datang] hantar.

## BAHAGIAN 5: INOVASI

**NAR:** Okay puan. Kita akan beralih ke sesi seterusnya iaitu sesi inovasi. Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, perniagaan Kak Wook menjadi tarikan di seluruh Malaysia. Okay. Apakah perkembangan dan pembaikan yang telah puan lakukan sepanjang menguruskan perniagaan Nasi Kak Wook ini? Perubahan dari zaman Mek Wook sehingga sekarang, apakah perubahan yang ada dari segi perniagaan?

**PMI:** Okay. Perubahannya, kalau kita tengok tidak lah banyak sangat, masih kekal lagi seperti arwah, cumanya dari segi mungkin – maksud cik?

**NAR:** Maksud saya, perkembangan dari segi kedai, resepi, pembangunan. Contohnya, daripada kedai itu kecil semakin besar. Perkembangan perniagaan ini, daripada satu cawangan pergi kepada lima, enam cawangan.

**PMI:** Macam ini, okay. Sekarang ini kalau kita sentuh daripada kecil jadi besar, sebenarnya konsep yang kami nak terapkan di sini ialah kami tidak *nak* [mahu] benda ini menjadi besar. Kami nak menjadi kepuasan, biar lah kecil pun tetapi memberi *menafaat* [manfaat] kepada masyarakat besar. Tidak lah kita kata nak menjadi gah sebab perniagaan ni *meme* [memang] lah orang tengok, “nasi alah tiga lauk je”, mustahil lah nak memiliki – Pandangan saya lah, tetapi pandangan pelanggan-pelanggan itu *tak* [tidak] tahu lah, mungkin dia punya kapasiti cara pemikiran dia lebih *luah* [luas] lagi, tetapi saya tengok ini pandangan sempit lah, pandangan sempit kami lah. Kita tidak mengidamkan perniagaan yang besar, kami nak perniagaan biar *takpe* [tidak apa] kecil tetapi memberi *menafaat* [manfaat] kepada *rama gitu* [ramai begitu]. Jadi satunya begini,

yang kami idamkan ialah kami nak membuat satu pusat *makane* [makanan], *food center* [pusat makanan] kan orang panggil. *Food center* [pusat makanan] ini *menyediake* [menyediakan] variasi *makane Kelate* [makanan Kelantan]. Jadi, setiap keluarga kami ini ada potensi memberi perkhidmatan, *misallah* [misalnya] A mempunyai potensi ataupun dia punya *kemahire* [kemahiran] ialah dia membuat *lakse* [laksa]. B pula mempunyai potensi membuat nasi *kapit* [impit], jadi *food center* [pusat makanan] ini seseolah macam dia telah wujud dekat *Kelate* [Kelantan] ini. Maknanya, apa benda awak nak *make* [makan] *warise* [warisan] *Kelate* [Kelantan] ini ada satu tempat. Itu *vision* [visi] lah tetapi buat masa *sekare* [sekarang] ini, tempat itu kami dah ada cuma nak *develop* [bina] ini, baru nak develop. Gitu [Begitu] lah.

**NAR:** Puan, bagaimanakah puan mempromosikan jualan Nasi Kak Wook ini?

PMI: (ketawa) Sebenarnya kalau saya *royak ko* [bagitahu ke] adik *takdok* [tiada] promosi sebenarnya. Kami *tak* [tidak] rajin buat promosi. Katakanlah hari jururawat, hari kesetiausahaawan, kita membuat *happy hour* [jualan murah]. Cukup sekadar kami membuat yang tadi lah. Kami mempunyai niat, motto memberi *makane* [makanan] ~~ini~~, membuat, memproses semua ini dengan rasa kasih sayang seseolah kita memberi makanan daripada ibu kepada anak. Itu *je* [sahaja].



## BAHAGIAN 6: MASALAH DAN ISU

**NAR:** Untuk sesi yang seterusnya iaitu sesi masalah dan isu yang pernah puan hadapi. Sepanjang perniagaan Nasi Kak Wook ini berjalan, pasti ada masalah dan isu yang berbangkit yang menyebabkan perniagaan Nasi Kak Wook ini terganggu. Bolehkah puan berkongsi serba sedikit tentang masalah yang sering dihadapi oleh perniagaan puan?

**PMI:** Okay. Kalau berkenaan (ketawa) berkenaan masalah ini, sebenarnya dia wujud masa arwah ini. *Sape-sape* [Siapa-siapa] pun apabila dia *menjaleke* [menjalankan] satu aktiviti apa-apa *perniagaae* [perniagaan] *dok* [kan], dia akan jadi ada *cabare* [cabaran] apa-apa lah kan. Okay. Dalam bentuk *cabare* [cabaran] *hok* [yang] ibu kami dulu, masalah persekitaran. Sampah, bau *pastu* [selepas itu] dari segi kumbahan, bahan kumbahan. Itu sudah menjadi satu cabaran dah bagi kami yang melihat masa kecil-kecil lagi, *gapo* [apa] akan aku buat kalau timbul masalah ini bila aku menjadi satu *owner* [pemilik] seperti mak kita ini. Jadi apabila kita nak membuka satu – *mace* [macam] kak ini, kak tumpu yang kak. Kalau peniaga lain itu lebih *kure jah* [kurang sahaja]. Kita akan tengok *persekitare* [persekitaran] itu. *Cabare* [cabaran] jiran, persekitaran tadi sampah-sampah, *pastu* [selepas itu] bahan kumbahan, *lepastu* [selepas itu] bila banjir, air hujan turun itu, dia jadi memenuh. Jadi persekitaran jiran kita itu jadi bau lah, ada bau tidak selesa lah. Itu cabaran, tetapi kalau kita nak kira, kita *tokleh* [tidak boleh] nak berhenti situ, kita kena carilah macam mana kan. *Lepastu* [Selepas itu] cabaran dari segi bila dia tengok kita maju, orang ramai, adalah tohmahan-tohmahan yang menyatakan *bubuh* [letak] daun ganja pun ada, ada dulu orang kata letak seluar dalam pun ada. Jadi, dia ada mitos-mitos lah. “Eh, apa kedai ini mesti tidak duduk sahaja ini”, dia mesti ada benda ini. Itu adalah cabaran-cabaran kan. Berpindah kepada *sekare* [sekarang] *pulok* [pula], *cabare* [cabaran] lagi hebat sehingga kita ini terpaksa, kita nak meniaga secara harmoni, *tokse*

[tidak mahu] terkenal, biar lah cukup dengan apa yang kami wariskan daripada ibu bapa kami ini. Tetapi sudah menjadi macam ini, kami terpaksa mengambil langkah lah lebih *kemah* [kemas] lagi kepada perniagaan-perniagaan yang lain-lain pun apabila dia nampak perniagaan dia ini potensi, cepat-cepatlah dia pergi daftar dengan harta intelek, apa-apa badan-badan yang menolong kita lah untuk masa generasi akan datang ini. Kita pergi buat satu. Katakanlah kita ada pen, yang pen ini lain daripada orang lain. Potensi dia itu kita nampak dah orang guna ini mungkin dakwat dia ini boleh sapu ke, ada keistimewaan tertentu, cepat-cepat kita pergi daftar, saya nasihatkan. *Lepastu* [Selepas itu], apabila orang dah jadi *tumpue* [tumpuan] benda ni, orang pakat nak berlumba-lumba, padahal bendanya *simple* [mudah], okay lagi lah orang nak benda *simple* [mudah], memberikan hasil yang lumayan tetapi bendanya *simple* [mudah]. Jadi, nasihat akak lah, kalau nak meniaga dalam *bide* [bidang] ini *takpe* [tidak apa]. Macam akak *royak* [bagitahu] tadi, teruskan cuma jangan mengheret lah, buat *je* [sahaja] lah nama sendiri, jangan mengganggu, mengheret nama orang lain. Itulah yang boleh kak *kateke* [katakan]. Sebahagian cabaran lah. Jadi, kalau misalnya ada tohmahan-tohmahan yang tidak benar itu, kami kalau setakat kami boleh sabar, sabar. Kalau boleh kami benda yang tidak benar itu, kita rujuk pada pakar undang-undang lah. *Gitu* [Begitu] lah.

**NAR:** Mengikut pandangan puan, bagaimanakah masalah puan hadapi ini boleh berlaku? Contohnya, macam kesan yang puan hadapi daripada masalah seperti yang popular ini kan, apa kesan dia kepada puan dan cawangan-cawangan lain?

**PMI:** Kesannya dari satu sudut orang kata kesan positif, tetapi positif itu betul tetapi positif itu biarlah daripada asal. Tetapi bagi kami ialah kami *tak nak* [tidak mahu] sebenarnya terkenal, kami rasa orang kata positif tetapi bagi kami tidak positif. Banyak negatif sebabnya banyak pihak-pihak berwajib seseolah memandang kami *je* [sahaja] yang mempunyai cawangan-cawangan ini. Seseolah dia ingat kami yang mempunyai *lot-lot* [kedai] banyak-banyak itu. Apabila kami terangkan, kami kena tunjuk bukti. Bukan setakat secara lisan sahaja, jadi itu amat menyusahkan kami lah sebab kami hanya nak meniaga secara harmoni seperi ibu bapa kami dulu. *Gitu jah* [Begitu sahaja]. Kami nak meniaga secara aman damai dan tidak nak ke populariti lah dan kami pun punyai, orang kata apabila dah memberi kesan besar kan, jadi seseolah kami ini ada harta banyak. *Takdok* [tidak ada] sebenarnya. Kami ini *takdok* [tidak] kaya. Sebenarnya adalah itu silap, dia ingat sebab kedai besar-besar kan sebelah *KL* [Kuala Lumpur] sana, bukan kami punya. Kami hanyalah masyarakat banyak-banyak, ramai-ramai serupa sama, *takdok* [tidak] kata dah punya jenama ini kira dah duduk dalam zon selesa. Tidak.

**NAR:** Macam puan bagitahu tadi, puan menerima komen-komen positif negatif kan? Boleh puan bagitahu sebagai contoh, dalam bentuk apa komen itu diberi? Dalam bentuk surat ke, SMS [pesanan ringkas] ke, komen di Facebook ke?

**PMI:** Komen itu secara langsung pun ada. Dia pergi kedai, kalau dulu mak kami, dia pergi kedai *je* [sahaja], dia bagi komen dia secara langsung. Macam itu sahaja, tapi sekarang ini sebab zaman dah canggih, kami lihat dalam Facebook, komen-komen yang ialah berwajah jenis nak menjolok sarang terbuan pun ada, macam-macam lah. Dari segi kadang-kadang dia nak tahu kita punya *feedback* [tindak balas] kita macam mana kalau dia kata macam ini. Padahal orang *takde* [tidak ada] kata pun, dia sendiri yang mengeluarkan kenyataan, dia nak tengok *feedback* [tindak balas] kita. Jadi, seelok-eloknya kita duduk di landasan yang tengah-tengah. Jangan nampak kita nak *bekeng* [garang] sangat, duduk di landasan yang tengah-tengah sebab apa-apa sekali pun, manusia ini dia *tak leh* [tidak boleh] lari dah. Benda yang dia tahu dah *jawape* [jawapan], tetapi *saje* [sahaja] nak *korek-korek* [mencari] kan, jadi benda-benda *gitu* [begitu] kita ambil lipat-lipat letak tepi *pastu* [selepas itu] kita teruskan apa yang kita hadap ini.

**NAR:** Adakah puan mempunyai pesaing disekitar kawasan perniagaan puan?

**PMI:** Pesaing ini sebenarnya kak lebih suka pesaing yang tidak menindas. Konsep nak meniaga sama *ngan* [dengan] kita, *takpe* [tidak apa] tetapi jangan ambil dasar menindas. Itu sahaja. Meniagalah, kami tidak kata rasa kurang senang kan. Katakanlah ada orang meniaga, kami rasa meriah kalau pesaing-pesaing itu lagi, katakanlah dia nak meniaga, dia buka kedai dekat berhampiran dengan kedai-kedai kita, kami rasa cukup meriah. *Buke* [bukan] kita kata "ooo itu nak ambil kesempatan nak menjatuhkan kita". *Dok* [tidak] sebab buktinya adik tengok di kedai tadi, berapa ramai penjaja-penjaja kuih,

sekarang ini orang macam-macam lah orang buat kek meleleh, *cheese* [keju] meleleh semua ada kan, dia itu nak meniaga tempat kita *tak* [tidak] muat, jadi dia letak. Kalau tidak, kak *tak* [tidak] terima kalau kita nak kita sahaja yang meniaga kawasan itu. Kalau misalnya ada orang jual lagi, kak rasa cukup meriah, bukan kita kata nak catas, maknanya pesaing itu kalau boleh jangan amal sikap menindas. Kita tolong yang mana-mana nak meniaga apa-apa sekalipun, kita tolong setakat boleh lah, kecuali *deme* [dia] buat ada perangai itu, terpaksa kami *tak* [tidak] beri sokongan lah. Sebelum ini pun ada, kita nak tolong dia jual kuih semua letak dekat kita, tetapi dalam masa sama, dia tipu kita. Dia letak duit itu, dia *bile* [kira] tak cukup, *lepas* [selepas itu] masa dia nak pergi ambil duit, dia letak sebanyak-sebanyak ini, padahal kita dah *bilang* [kira] siap-siap, tetapi nak bagitahu kita nak tolong dia tetapi dalam masa yang sama dia nak mengkhianti kita ibarat melepaskan anjing yang tersepit. Macam-macam dari segi perniagaan kecil lah, yang besar itu *tak* [tidak] tahu lah. Yang ini kecil, kita nak tolong dia pun (ketawa) benda *tak* [tidak] sepatutnya lah kan, *serupa* [macam] tadi lah adik kata macam mana nak hadapi dengan pesaing-pesaing. Sebenarnya kalau adik, kak kata sebenarnya pesaing *takde* [tiada] masalah pun, tipu pulak kalau kata begitu. Kalau ada pesaing-pesaing itu lagi meriah dalam industri kita ini industri perniagaan warung-warung inilah. Lagi meriah, *jange* [jangan] timbul dasar menindas sudah. Itu *jah* [sahaja]. Tidak timbul, sebab daripada mak saya lagi, dia kata kalau misalnya orang *kure* [kurang] *mari* [datang] kan, kita akan cari sebab apa. Okay bila cari sebab kita tengok pesaing-pesaing kita kan. *Buke* [bukan] itu dalam kamus hidup arwah mak kami. Dia tidak sebabkan orang-orang sebelah-sebelah, jiran-jiran, pesaing-pesaing sebab itu, malah orang-orang itu *mari* [datang] ambil nasi, mak kami tolong nak *upkan* [naikkan] kedai-kedai dia kan. Dia ambil nasi kami, dia pergi letak kedai dia, dengan secara tidak langsung kedai dia orang ramai *mari* [datang]. Dia boleh jual kopi, dia dapat hasil dah situ, jadi maknanya masa arwah mak kami ini ada tujuh *owner* [pemilik]. Jadi nak kata

*takde* [tiada] masalah lah dengan pesaing sebenarnya. Dari segi soalan itu dah menjawab dah rasanya.

**NAR:** Pernahkah puan mengalami masalah kewangan dalam perniagaan Nasi Kak Wook ini?

**PMI:** Masalah kewangan ini, mana-mana pun rasanya ada masalah, tetapi satu sahaja, kita nak memulakan satu perniagaan ini *jange* [jangan] kita *target* [capai] yang besar selalu. Kita letak yang kecil dulu. Bila yang besar kita kena *berhute* [berhutang] tau, kena berhutang dengan bank. Kita punya cita-cita kita ini besar kita letak, *jange* [jangan] *hute* [hutang] dengan bank. Nasihat saya jangan hutang dengan bank, ialah kalau nak hutang dengan *anok-beranok* [adik-beradik] ini lebih baik hutang dengan bank, tetapi bagi saya lah, saya kalau nak memulakan perniagaan, saya cuba elak daripada berhutang dengan bank dan perniagaan itu dimulakan dengan kecil dulu. Jangan mula dengan besar, kalau besar salah ke benda itu tidak mendapat sambutan, memberi implikasi besar lah sebab kita dah berhutang dengan bank. Mulakan dengan keci-kecil dulu. Kami tidak pernah meminjam lah dengan bank sebab kami mulakan yang kecil. Kami tidak pernah daripada arwah mak kami lagi, dia tidak menggalakkan kalau nak buat apa-apa, jangan pinjam dengan bank sebabnya itulah tadi kita mulakan benda yang kecil dulu. Apabila potensi besar, kalau awak nak pergi pinjam bank, pergilah.

**NAR: Pernahkah perniagaan Nasi Kak Wook ini mengalami masalah kecurian, kebakaran?**

PMI: Pernah. Kebakaran itu *takdelah* [tiada lah], kecurian itu, itu sudah orang kata adat dah. Adalah kecurian itu, orang kata tayar itu sentiasa berpusing kan, jadi ada masa kita susah, ada masa kita senang. Daripada yang kecurian tadi itu, itulah daripada kehidupan kita itulah, sudah menjadi adat dah.

**NAR: Selain daripada itu, masalah lain, pernahkah berlakunya perbalahan di antara adik-beradik puan berkaitan perniagaan Nasi Kak Wook ini?**

PMI: Pernah. Dia bukan disebabkan oleh perebutan apa-apa, cuma *management* [pengurusan] lah tidak kena, urusan itu. Tetapi, bila kami ambil pendekatan, okay lah. Apabila timbul macam ini, kita *quit* [berhenti] lah. Kita *quit* [keluar] daripada masalah itu, orang kata lari dari masalah itu. Kita pergi cari tapak lain, *develop* [bina] tapak lain. *Quit* [berhenti] yang ini, cari tapak baru, *develop* [bina] tapak itu.

**NAR: Selain itu, pernahkah berlakunya pergaduhan di antara majikan dengan pekerja puan?**

PMI: Majikan dengan pekerja-pekerja ini *takde* [tiada] lah serius. Biasa seperti mak dengan anak sahaja. *Takde* [Tiada] lah kata nak serius, *takde* [tiada].

**NAR:** Apakah keputusan yang paling sukar yang pernah puan lakukan sepanjang perniagaan Nasi Kak Wook ini?

**PMI:** Keputusan paling sukar ini apabila kami didatangi oleh unsur-unsur penyamaran lah, unsur-unsur penyamaran dari dia mendakwa dari jabatan sekian-sekian, dari pihak berwajib sekian-sekian. Kami pun kadang-kadang tidak faham adakah betul-betul daripada pihak berwajib atau sekadar penyamaran, ataupun katakanlah betul daripada pihak berwajib, tetapi dia kenakan undang-undang, katakanlah sekarang ini kami menghadapi masalah PERKESO. Terpaksa sebut. PERKESO ini dia memang betul dia punya niat kan, dia suruh pekerja-pekerja ada simpanan. Okay, kami tidak membantah cumanya kami nak *question* [soal] di sini, bagaimana dengan kedai makan yang lain? Kenapa tidak diselaraskan undang-undang itu? Kalau lah dikatakan wajib setiap pekerja itu kena caruman PERKESO, dan kami ingin bertanyalah sebab apa kedai-kedai lain tidak, dan di antara adik-beradik kami pun ada juga, "kedai aku tak kena, kedai mu kena", macam mana? Itu kenapa. Kami pun tidak faham sebab apa tidak menyeluruh. Adakah dia memilih bulu ke, kami tidak faham. Ada pihak-pihak berwajib ini dia kenakan tindakan separuh-separuh orang, separuh-separuh tidak. Itulah masalah.

**NAR:** Sekiranya perniagaan Nasi Kak Wook melakukan sesuatu yang bertentangan dengan undang undang, apakah tindakan puan?

**PMI:** Kami merujuk kepada pihak yang tahu undang-undang dah terpaksa macam itu sebab dengan keadaan sekarang ini kami hanya bermimpi untuk menjalankan perniagaan ini secara harmoni (hembuh nafas) sahaja tapi kami tidaak sangka benda ini sudah menjadi satu kira isu yang kira ore [orang] perndengar lah juga isu ini. Apa tadi dah lupa dah tu.



**NAR: Puan melakukan kesilapan contohnya bertentangan dengan undang undang?**

PMI: Okay, ada bertentangan dengan undang undang kami tersilap rujuk, tersilap rujuk orang jadi apabila tersilap rujuk kami menghadapi undang apa masalah. Tapi terpaksa akurlah ikut kehendak pihak berwajib itu contohnya kak pernah membuat perniagaan ini di satu tempat perumahan *sedangke* [sedangkan] kawasan perumahan itu tidak boleh buat perniagaan ini itu kami tersilap rujuk ataupun kami sudah rujuk tapi orang itu ambil kesempatan atas ke tidak pengetahuan kami ini. Kita tidak tahu benda tu *saloh* [salah] tapi kita pergi rujuk orang itu, orang itu kata boleh jadi bila dah jadi satu macam seseolah kak ni melanggar *unde-unde* [undang-undang] kak kena akur undang-undang yang sedang berkuat kuasa begitu sahajalah, tapi selebihnya kalaulah kak rasa tertindas kak akan merujuk pada pihak undang-undang, pihak peguamlah tanya betul ke tidak, begitu sudah sekarang dunia hari ini.

**NAR: Pernahkah adakah puan terlintas untuk membuka cawangan baru?**

PMI: Ouh cawangan baru ini kita serah ke generasi baru, kak ini hanya mentor apa memerhatilah, memerhati dalam pada kita yang seperti kak cakap tadi mentor ke begitu sahajalah, dia punya *vision* [visi] untuk melangkah keluar dari Kelantan memang ada itu sudah di canang telah di rancang, generasi baru akan meneruskan yang itu.

**NAR:** Sekiranya puan akan membuka cawangan baru seperti yang puan kata kan tadi, dimanakan negeri yang akan puan pilih?

**PMI:** Haa [iya] semestinya *KL* [Kuala Lumpur]lah, sebab mereka pun sudah duduk mengaji sebelah sana dia pun dah tahu persekitaran, jadi dulu pun kak pernah berniaga di *KL* [Kuala Lumpur]. Tapi kak bukan membuka Nasi Kak Wook kak ambil pengalaman, ambil pengalaman menjual nasi lemak dekat kampung baru. Nasi Lemak pak cik Atan masa itu sekarang ini Nasi Lemak itu dekat padang apa Kelab Royal Selangor. Dulu kak tanyalah pakcik Atan, pak cik Atan sekarang tidak tahulah masih ada cuma anak dia memang ada lagi memang kak mengambil peluang pergi buat kerja separuh masa dekat situ, kita ada sedikit sebanyak apa orang panggil pengalaman lama yang kita boleh mengaplikasikan untuk generasi baru ini tidak tahulah begitu sahajalah cuma tunggu habis belajarlah generasi baru itu duduk tengah belajar habis bulan dua belas ni. Mungkin lepas pada ini juga dia akan teruskan rancangan, bukan mudah nak pergi sana dia ada mafia, mafia kan? Dia kalau kita letak satu tempat itu sudah ada sudah kongsi gelap dia, betul tidak? Tahu lah kak dengar dengar cerita macam itu tapi masa kak duduk mengambil pengalaman bekerja dekat Nasi Lemak tadi kami tengoklah dari segi pengurusan dia, dia pun terdiri daripada anak beranak dia juga jual Nasi Lemak itu sebab dia sudah orang situ, dia orang situ maknanya orang yang jenis menggertak ada pergi tapi tidaklah orang kata mengambil peluang besar nak ugut-ugut nak ugut ini, sebab dia dah orang tempatan situkan daripada situlah kak tengok pengalaman ruparupanya bukan mudah nak beralih tempat orang ini, sesuaikan dengan persekitaran dia orang ini macam itulah.

**NAR:** Kalau puan nak buka cawangan baru ni tadi kan, Bagaimana pihak puan memilih lokasi perniagaan puan itu untuk setiap untuk setiap cawangan baru itu? Kriteria yang puan akan pilih?

**PMI:** Haaa [iya] satu ialah kita tengok tempat yang menjadi itu tempat sibuk lepas itu kalau KL [Kuala Lumpur] saya rasa tempat pusat pengajian kan? Pengajian tinggi jadi untuk kita hidang budak-budak pelajar ini dia kira nak makan benda semua mudah kan ? nak kejar kan, orang bekerja lagu tu juga semua mudah kan jadi mana tahu menu yang kami sediakan selain menu ini, ada lah lagi menu yang mudah tapi kami tidak sempat nak buat mudah-mudah sahaja macam sup, variasi sup yang asalnya kalau orang-orang yang biasa buat dia ada rempah ratus yang begitu teliti tapi kami tidak kami cukup ringkas sahaja dua tiga jenis perencah itu kami nak alaskan perut yang orang kata sibuk itu sahaja, apa benda kami tak nak, apa-apa benda itu menjadi orang kata apa nak mendapati bahan itu susah apa jual yang (ketawa) serupa selera kita nak makan kebetulanya selera itu diterima oleh pelanggan-pelanggan, Alhamdulillah kalau tidak terima tidak ada pilihan sudah, cuma serupa yang inilah kita buat menu ini asalnya kehendak kita sahaja kita nak makan cara lagu mana jadi kalau menu kita berkebetulan menjadi minat pelanggan alhamdulillah begitulah.

**NAR:** Sedia maklum perniagaan puan ini sudah lama daripada turun temurun, strategi untuk mengekalkan lagi perniagaan Nasi Kak Wook untuk masa akan datang?

**PMI:** Strategi? strategi ini keluarkan bakat-bakat yang sedia ada ini misalnya generasi kita ini dia sudah terbuka dalam diri masing-masing sudah ada terbuka nak suruh dia keluar sahaja dan dia tambah baik dan tadi dia gilap dia ada sudah ini apabila kita sebut keturunan, dia sudah ada sebenarnya dalam diri dia itu, cuma dia kena keluarkan kena terjemah jadi terjemahan dia itu di terima oleh orang ramai ke tidak, itu sahaja begitulah. Strateginya kalau orang kata ada sesetengah orang kata Nasi Kak Wook ini kalau tidak kerana pengusaha-pengusaha lain yang membawanya popular ia tidak akan popular betul ke tidak? Betul ke? Yang kerana pengusaha-pengusaha lain yang membawa nama Nasi Kak Wook ni keluar daripada *Kelate* [Kelantan] dia kata tidak suatu hari nanti Nasi Kak Wook ini akan terkubur. Itu pandangan orang-orang luar tapi bagi kami tidak. Pandangan orang-orang luar dia kata kalau tidak kerana pengusaha-pengusaha lain bawa pergi mempopularkan Nasi Kak Wook ini Nasi Kak Wook ini akan terkubur, tapi pandangan kami tidak kami punya warisan ini kami sendiri yang tahu cuma kami orang nak terima tak terima ini terpulanglah kepada masing-masing kita tidak boleh nak paksa dia kata begitu mungkin dia rasa kecewa disebabkan tadi, kami mendapat nasihat dari pakar undang undanglah mungkin bila dia rasa kecewa dia *tubik* [keluar] statement macam itu, jadi untuk masa akan datang strategi kami kami nak kenalkan lagi masakan ibu kami begitulah, jadi yang mana tersimpan, tersimpan kami tidak keluarkan lagi menjadi suatu hari nanti benda itu dia orang boleh teruskan sebab yang tersimpan ini lama sudah nak keluar tapi tidak keluar disebabkan kekangan masa, lepas itu sebab generasi anak Kak Wook ini tidak mempunyai masa untuk melatihkan *sorry sorry* (maaf-maaf) melatihkan cucu-cucu ini tapi benda itu sudah ada itu sahajalah.

## BAHAGIAN 7: HAK CIPTA TERPELIHARA

**NAR:** Puan kita akan beralih ke sesi seterusnya iaitu sesi hakcipta terpelihara. Hakcipta sangat penting dalam sesebuah perniagaan di Malaysia. Berdasarkan sesi temuramah sebelum ini, puan telah menyatakan bahawa Nasi Kak Wook telah mengambil tindakan terhadap peniaga luar yang telah menggunakan jenama Kak Wook tanpa kebenaran. Hal ini telah dibuktikan melalui artikel daripada Berita Harian Online. Melalui perkara diatas, Adakah puan telah berdaftar resipi dan nama perniagaan ini dibawah hak cipta terpelihara?

**PMI:** Ha ha ye [iya], saya- telah pada tahun 2013 dan diluluskan pada tahun 2014 jadi kami mendapat nasihat daripada pakar pakar undang undang jika ada berlaku perniagaan yang menggunakan nama Nasi Kak Wook tanpa kebenaran pihak kami tidak boleh nak berdiam diri itu pakar undang undang yang menyatakan sebab apa tidak boleh berdiam diri, dia kata kalau *awok* [awak] mendiamkan diri seolah-olah nama Nasi Kak Wook ini akak menjadi generik, generik akan menjadi umum, apabila umum kita tidak boleh nak ambil tindakan apa-apa sudah, apabila sudah menjadi umum pihak Nasi Kak Wook ini tidak akan boleh ambil tindakan apa-apa kepada perniaga lain yang menggunakan jenama Nasi Kak Wook ini sebab apa okay dia bagi satu contoh pihak peguam memberi satu contoh, contohnya *awok* [awak] tengok *escalator* [eskulator] tangga *escalator* [eskulator] itu adalah satu jenama tapi tuannya tidak mendaftar ke apa benda tidak tahulah menyebabkan benda itu dijadikan sebagai nama umum, mana-mana pun orang boleh guna *escalator* [eskulator] dia kata takut jadi macam itu jadi *sekare* [sekarang] awak punya sijil, lesen harta intelek ini kalau awak tidak ambil tindakan pada pemilik yang meniru kepada jenama anda, anda akan menjadi satu jenama yang generik. Haa okay saya pun serahlah pada pihak undang undang.

**NAR: Sejak bilakah perniagaan Nasi Kak Wook ni mula dicuri dan dimanilupasikan?**

PMI: Okay kalau seingatnya macam ini masa waktu arwah itu sudah ada pada tahun 2011 kalau kira 2011 ke atas.

**NAR: Bagaimanakan puan mengetahui masalah ini?**

PMI: Masalah ini macam mana itu?

**NAR: Puan dapat tahu melalui orang cakap ke melalui media social ke?**

PMI: Ouuh kebanyakan pelangganlah, pelanggan datang tanya Kak Wook kedai yang situ itu kedai Kak Wook ke, lepas itu sanak saudara itu memang tidak henti hentilah kebanyakannya secara lisan ini daripada pelangganlah, kenapa tidak ambil tindakan kami rasa tertipu kami pergi beli nasi yang klon jadi dia datang bagitau kami.

**NAR: Apakah kesan masalah ini kepada perniagaan Nasi Kak Wook untuk jangka masa yang pendek? Kesan copyright ini maksudnya tercipta kesan kepada perniagaan ini sendiri apa?**

PMI: Okay dia macam ini, sebenarnya apabila orang copyright kesan kepada orang kata kepada fokus kepada mendapatkan akan menjadi kurang itu, dia macam ni dia lebih kesan kepada reputasi reputasi kami ini menjadi buruk contohnya saya bagitau kesan dia orang dalam masa dia mengambil kesempatan membina empayar berhutang dia guna nama kami okay banyak dari segi sudut penyamaran ibu kami telah meninggal tapi

dia menyamar dia kata dia adalah *owner* [pemilik], okay lagi kesan tadi ye, kesan dari segi yang paling memberi cabaran jiwa, dia pelanggan ini diantara pelanggan dia akan datang dia kata "saya makan tempat awak ini saya makan sambal lain tidak sama dengan *klon* [tiruan], lebih minat yang *klon* [tiruan], saya kata itu saya tak boleh nak buat apa sudah", cara kami macam ini saya tidak boleh nak paksa *ore* [orang] jadi kalau Cik rasa nak makan kat *klon* [tiruan] makan, cuma cara kami macam ini, jadi apa yang orang gambar gemborkan datang bagitau begitu saya cakap begitu sahaja cita rasa anda lebih pada yang *klon* tidak apa kita tidak marah cumanya yang kita marah ialah dia *menggunakae* [menggunakan] dia mengheretkan jenama kita jadi pelanggan pun jadi orang kata sudah keliru jadi okay kita pun saya pun mengambil pendekatan macam ini sudah kita suka sesuatu tempat yang orang kata berlaga dengan jiwa kita teruskan sahaja, teruskanlah kita tidak ada hak untuk menyekat, cuma tanggung jawab kita ialah bagitahu bahawasanya ini yang asal itu yang asal itu yang *klon* [tiruan], itu terpulang kepada pelanggan kalau dia nak pergi yang *klon* [tiruan] pergilah kita sendiri pun pergi makan kedai Nasi Kerabu apa orang panggil *berjujub* [ramai] nasi kerabu, kita punya cita rasa kita juga walaupun menjual menu yang sama kita ada cita rasa kita begitu juga *denge ore* [dengan orang] dia nak pergi tempat yang itu ke yang ini ke ikut dia, cuma tanggungjawab saya menyatakan bahawasanya yang ini yang asal daripada Kak Wook yang ini yang *klon* [tiruan], itu terpulang itu memberi satu cabaran jiwa kita duduk memikir apa sebenarnya motif dia kalau sudah dia suka nak makan kedai itu silalah tidak menjadi masalah kepada kami jadi kadang cakap besar kalau semua *ore* [orang] berpihak kepada yang *klon* [tiruan] itu saya nak buat macam mana tidak ada *pilihe* [pilihan sudah cumanya kami hanya meneruskan warisan yang kami sahajalah awak suka teruskan awak tidak suka saya tidak boleh nak paksa tapi tadi adik kata cabaran kan, cabaran itu nampak kecil kan, tapi kita jadi jiwa juga (gelak) jadi jiwa tapi kita ambil kita ambil lipat simpan tepi, cita rasa semua orang tidak sama dan mustahil kita nak

puaskan semua orang jadi kita ambil macam ini sahaja yang nak kita hadap ini bersetuju dengan resipi kita itulah kita terima, *ore* [orang] yang tak nak makan kedai ini nak makan kedai ini itu lah terima hakikat sahajalah, bukan kita nak suruh *mari* [datang] kedai kita sahaja biarlah dia punya cita rasa itu masing masing supa [serupa] kita jugalah pemilik dua alam, alam pelanggan pun kita boleh selami alam pemilik nasi pun kita boleh alami, sebab kita bekerja kita nak pilih-pilih juga nak sarapan kita nak makan tengahari kan, kedai itu ramai sekali sudah kita tidak suka ramai-ramaikan kita pergi kedai lain salah apanya, jange [jangan] ada mace [macam] teknik-teknik nak menindas, teknik-teknik dia saya pergi kedai awak saya rasa sambal awak kurang masam, saya nak buat macam mana dah saya punya daripada asal macam itu, saya suka ke kedai ini sebab sambal dia masam sikit, saya tidak marah pergilah cuma niat dia kalau *ore gitu* [orang begitu] kita ambil sebagai komen tindak balas yang positif, saya boleh kata begitu sahaja, nasi sini mahal situ murah itu dah dia jual Nasi Kak Wook juga tapi harga itu satu tengok tak apabila dia guna nama kita- kita jadi rosak, jadi kita nak buat kita pun kita terpaksa pikir. Baiklah sekarang ini kalau orang tanya soalan macam itu, itu sahaja jawapan awak suka awak ini kedai a ke kedai b takpa itu terpulang kepada anda sendiri kita tidak marah pergilah, tapi dia ingat kita marah kita tak marah pergi lah dia rasa macam bersalah rasa sudah tak bagi kami tidak mengapa pergilah manapun asalkan benda ini datang kita tidak heret masalah kepada kita. Lama-lama Income Tax [cukai pendapatan] datang cari kita, *Kastam* [Jabatan Kastam Diraja Malaysia] datang cari kita, itu kita nak marahlah lagu itu.



**NAR:** Daripada pengalaman puan kan, apakah pesanan puan kepada peniagaan yang tidak berdaftar bagi mengelakkan masalah yang puan hadapi?

**PMI:** Okay pertama kali sesebuah perniagaan ini apabila dia nak dicipta mesti dia kena daftar dengan ambil lesen dengan *MPKB* [Majlis Perbandaran Kota Bharu] kira pengalaman kak daftar intelek itu dia lagu lain *pulok* [pula] intelek ini *SSM* [Suruhanjaya Syarikat Malaysia] lain, okay kita tengok perniagaan kita berpotensi berminat menjadi *viral* [tular] ke cepat-cepat pergi daftar potensi itu menjadi besar menjadi *viral* [tular] cepat-cepat pergi daftar sebab zaman ini sekarang pemilik *kuli* [pekerja] yang bersebelahan kita mengambil peluang idea-idea kita tapi dia pergi daftar tengok kita ini dulu *mok ayoh* [mak ayah] kita tidak tidur *male* [malam] berjaga awal nak mewujudkan ini perniagaa [perniagaa] ini dia pula menghempas pulas nak mewujudkan perniagaan ini cepat-cepatlah pergi daftar saya nasihatkan kepada perniagaan lain kalau rasa berpotensi cepat-cepat berdaftar dengan harta intelek bila kita lambat pihak lain mengambil peluang jadi kita sudah intelek dia contohnya, majalah kartunis Ujang, katanya punya majikan pergi pergi daftar idea anak kuli dia, dia bekerja dengan majikan lebih kurang begitulah samalah kita terbalik dah majikan yang punya idea cepat-cepat pergi kalau anak buah punya idea cepat cepat pergi daftar supaya senang, kak ini pun *buke* [bukan] senang untuk mendaftar harta intelek ini so [jadi] terpaksa pergi orang itu orang ini pergi pula saluran yang salah pergi pula situ sini bukan senang tahu, menghadapi dengan dunia hari ini, dia pergi pulak dia ambil duit nak cepat perkhidmatan tidak ada habis sudah duit situ tapi orang kata kuat lah, kalau tidak kuat jiwa ni jadi jiwa orang kata penyakit, penyakit yang kemurungan kan, boleh jadi kemurungan (ketawa) cepat-cepat perniaga luar sana kalau ada apa apa *sakni* [tadi] kak *cakap* benda yang sama cepat-cepat pergi daftar dengan harta intelek itulah dia.

## BAHAGIAN 8: HARAPAN DAN NASIHAT

**NAR:** Puan kita dah sampai ke sesi yang terakhir untuk sesi harapan dan nasihat, yang terakhir ini apakah harapan puan terhadap perniagaan Nasi Kak Wook ni?

**PMI:** Haa [iya] harapan, harapan ini banyak kalau kita fikir jangka masa yang panjang adakah sudah tidak melayu hilang di dunia adakah ini akan hilang di dunia, dia satu sahaja kita ada generasi Nasi Kak Wook, generasi Nasi Kak Wook satu hari nanti dia *ake* [akan] cabang *perniagae dio* [perniagaan dia] itu tidak sempit kepada nasi sahaja dia *ake* [akan] meluas kepada contohnya kita akan buat *paste* [pes] ke ataupun minuman air mineral ke benda benda ada idea telah di bincang bersama dengan pihak undang undang dia ada cadangkan kami untuk pergi melawat ke atau mendapat maklumat mengenai *OEM* [Original Equipment Manufacturer] itu saya pun tidak pasti sebenarnya dia, dia menolong untuk kita mengeluarkan produk dan saya di nasihati oleh pihak undang undang suruh mendapat nasihat mengenai tapi buat masa sekarang ini macam adik buat apa nak jumpa *denge* [dengan] akak ini pun *payoh* [susah] sangat kan, bukan *payoh* [susah] maknanya duduk telepon-telepon kita duduk tugas masing-masing kehidupan masing-masing jadi *tokdey* [tidak sempat] lagi nak membuat ini sarapan pihak undang undang pihak peguam dia suruh pergi dapatkan maklumat mengenai pihak *OEM* [Original Equipment Manufacturer] ini. Harapan kaminya cuma tu sahaja *jange* [jangan] hilanglah warisan ini teruskan lah supaya orang maknanya kehidupan maknanya ore tua [orang tua] kita ini *supa* [seperti] kita *kecek* [cakap] tadi la, malas cakap banyak sudah, seperti tadi dah habis dah ayat.

**NAR: Soalan terakhir apakah harapan puan terhadap anak-anak muda dikelantan terhadap perniagaan tradisional di Kelantan?**

PMI: Ha [iya] anak-anak muda ini banyak sebenarnya kita boleh nampak (ketawa) lambat *pulok hok ni* [pula yang ini] anak muda ini dia tidak nampak lagi jalan ada kalau bulan puasa kita boleh tengok anak-anak muda berniaga yang berminat berniaga masa inilah kita rasa anak-anak muda ini dia tidak nampak dan saya bagi komuniti *ore* [orang] berpikiran rendah ini kan kalau kita tengok anak muda dia nak kerja selesa biar pendapatan sikit pun, kalau boleh iyelah tak silap juga *dio* [dia] sudah mengaji dia sudah separuh hidup dia ini dia belajar *gini gini* [tahap ini] menginginkan mengidamkan jawatan sepadan dengan dia belajar, tapi masalahnya kalau sudah benda itu untuk dia gapai untuk dia tangkap jauh maksudnya jauh lagi apa salahnya dia mengusahakan *bide* [bidang-bidang] lagu ini [macam ini] contohnya dia tidak tahu lah paham dia *nok ko toksey* [dia nak ke tidak] contohnya menjual air di tepi jalan, awak tahu modal dia sikit sahaja modal dia kalau dia nak dapat seratus sehari pun boleh, tap nak ke orang muda nak berkerja secara macam itu nak ke tidak tapi saya tengok saya cuba *interview* [temubual] orang yang *dok* [duduk] jual di pasar pasar tani yang bawa motor itu air yang dia jual air cendol, kacang soya dua tu sahaja air saya tanya *dio* [dia] berapa sehari dapat kalau hari macam pasar tani ni dia pergi *sendeh sendeh* [letak] motor *dio* [dia] dapat 600 sehari *yaallah* tuhanku kenapa orang muda dia tidak ambil peluang sebab kerja dia kerja *mace takdok* [macam tiada] professional, jadi ini tidak dipandanglah saya pun pergi ke pasar tani lain pun saya tengok *ore* [orang] Kedah dia meniaga *ABC* [Air Baru Campur] dalam satu mangkuk dua *inggit* (ringgit) setengah *make* [makan] uihh sedap *ABC* [Air Batu Campur] ini pergi beli so [satu] lagi pergi beli saya tanya adik sebab tanya dia loghat utara, adik *buke* [bukan] asal sini ke *ni* [ini] dengar nada *buke* [bukan] asal sini *mace* [macam] mana meniaga ini boleh? bolehlah tampung anak *bini*

[isteri], *dio* [dia] tidak bagitahu, dia cakap macam itu sahaja, awak darablah tengok gelas dua *inggit* (ringgit) setengah *kali* [darab] berapa sehari dia dapat, *ore* [orang] muda tidak nampak kalau *bule puaso* [bulan puasa] saya tengoklah anak muda jual ayam percik kadang-kadang siye [kesian] tahu tidak, dia bawa anak bini *dio* [dia] buat ayam percik, *buh* [letak] dalam kereta, itu dia ada kesedaran sebab dia ada tanggung jawab walaupun dia muda nak survive [menyara] hidup dia, tapi pulangannya percayalah tiga kali ganda daripada pensyarah kalau *awok* [awak] ambil kulinari *awok* [awak] akan jadi chef kan?, tiga kali ganda daripada pensyarah itu disebut oleh chef Sabri kenal *dop* [tidak] Chef Sabri? Kalau *awok nok* [awak nak] mengisi masa terluang *awok* [awak] lah. Tapi sayangnya *awok* [awak] sudah ada ilmu kok [bidang] ini *takpe* [tidak mengapa] teruskan awak bidang ini cuma saya nampak betul Chef Sabri itu *royak* [cakap] apabila *aWook tubik* [awak keluar] ambil kursus kulinar jadi tukar masak pendapatan *awok* [awak] tiga kali ganda setelah sama ada dia berjawatan Chef atau dia buka restaurant [restoran] tiga kali ganda *awok* [awak] bayangkanlah dia sendiri *royak* gitu [cakap begitu] tapi Chef itu dia *toksey* [tidak mahu] buka *restaurant* [restoran] *bakpo eh* [kenapa ye]? itu persoalan juga sebenarnya (gelak) sebab gaji dia besar ataupun dia boleh mengadakan satu untuk tunjuk ajar kepada pelajar-pelajar boleh ambil modul dia, dia letaklah untuk pendaftaran selepas untuk *sore* [seorang] ke tidak tahuulah *mace mano* [macam mana] saya nak mudah *payoh* [susah] dapat *kijo kae* [kerjakan] kalau apa pelajar lelaki yang jenis-jenis *brutal* [berani] sikit tidak malu sikit dia boleh cuba macam kak *oyak sakni* [cakap tadi] 600 adik bayangkan dia pergi pasar pasar tani *jah* [sahaja] air dua [2] *jah* [sahaja] *dio* [dia] itu tak masuk akal itu, dari pukul berapa ke pukul *berapo* [berapa] dia duduk situ, pasar tani aah pukul lapan [8] pukul dua belas [12], tempat itu ramai *ore* kot [orang kot] air yang dia jual dua [2] ringgit air soya dua [2] ringgit air itu pun air cendal itu mungkin dalam seringgit setengah ataupun seringgit macam mana boleh 600, *berapo ore* [berapa orang] beli, *pakai dio* [pakaian dia] biasa *je* [sahaja] kita kata anak-anak

muda sekarang ini kalau *takleh* [tidak boleh] nak memilih bidang kerja dalam masa *samo* [sama] taidak boleh nak salah ke dio juga penat dah *memeroh otak dio* [memerah otak dia] mesti dia mengimpikan bersesuaian dengan dia belajar itu ceria *dok* [kan], haa itulah *pandange* [pandangan] saya tentang anak anak muda .

**NAR:** Baiklah puan berakhir sudah temu bual kita pada harini terima kasih ucapkan kepada puan Mastura kerana memberi sedikit masa dan ruang untuk kami menemubual kami sangat menghargai jasa puan dalam menerima kunjungan kami, Semoga hasil rakaman ini memberi hasil kepada para pendengar penyelidik dan generasi yang akan datang. Sekian, terima kasih.

# SENARAI SOALAN

## SENARAI SOALAN TEMUBUAL NASI KAK WOOK

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Nur Hazira Nadira Bt Harisi, Nabilah Aqmar Bt Razali dan Nor Amirah Bt Ibrahim bersama Puan Mastura mengenai pengalaman beliau sepanjang menguruskan perniagaan Nasi Kak Wook. Temubual dijalankan di ..... pada .....

### **PENGENALAN DIRI**

Assalamualaikum puan, sebagai permulaan perbualan kita boleh Puan ceritakan serba sedikit latar belakang puan?

1. Siapakah nama puan?
2. Apakah nama panggilan puan?
3. Berapakah umur puan?
4. Puan berasal daripada mana?
5. Di manakah tempat tinggal puan?
6. Berapakah adik beradik puan?
7. Puan anak ke berapa?
8. Apakah hobi puan?
9. Apakah makanan kegemaran puan?
10. Berapa lamakah puan sudah berkahwin?
11. Berapakah bilangan anak puan?
12. Siapakah nama suami puan?
13. Dari manakah suami puan berasal?
14. Apakah pekerjaan suami puan?

## **PENDIDIKAN**

Seterusnya, kita akan beralih ke sesi pendidikan dan pelajaran yang telah puan terima.

15. Sehingga tahap manakah puan melanjutkan pelajaran?
16. Dimanakah puan mendapat pendidikan sekolah rendah?
17. Apakah pencapaian puan di sekolah rendah?
18. Dimanakah puan mendapat pendidikan sekolah menengah?
19. Apakah pencapaian puan di sekolah menengah?
20. Adakah puan melanjutkan pelajaran di universiti?
21. Universiti manakah puan melanjutkan pelajaran?
22. Di negeri manakah puan melanjutkan pelajaran?

## **PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN**

23. Bolehkah puan berkongsi berkenaan pencapaian yang telah puan peroleh di universiti?
24. Adakah puan pernah menyertai program keusahawanan?
25. Adakah puan pernah mendapat pengiktirafan dari mana-mana pihak?

## **PERNIAGAAN NASI KAK WOOK**

Baiklah. Mari kita mulakan ke sesi utama temu ramah ini iaitu maklumat berkaitan perniagaan Nasi Kak Wook.

26. Bilakah perniagaan Nasi Kak Wook ini mula beroperasi?
27. Siapakah pencetus dan pengasas utama perniagaan Nasi Kak Wook ini?
28. Berapa lamakah puan telah menceburi bidang perniagaan Nasi Kak Wook?



29. Bolehkah puan berkongsi tentang pengalaman perniagaan Nasi Kak Wook puan?
30. Mengapakah puan memilih bidang perniagaan Nasi Kak Wook ini?
31. Adakah puan mempunyai pekerjaan yang lain?
32. Adakah puan sudah berdaftar dengan pihak SSM (Suruhanjaya Syarikat Malaysia)? Jika ya, bilakah puan mendaftar?
33. Apakah resepi Nasi Kak Wook yang membuatkan orang ramai datang memenuhi perniagaan ini setiap hari?
34. Berapa lamakah perniagaan Nasi Kak Wook ini bertapak di Kelantan?
35. Bolehkan puan terangkan waktu operasi perniagaan Nasi Kak Wook ini?
36. Selain dari Nasi Kak Wook, apakah hidangan lain yang dijual?
37. Berapakah cawangan perniagaan Nasi Kak Wook?
38. Dimanakah lokasi cawangan?
39. Siapakah yang menguruskan bagi setiap cawangan?
40. Siapakah yang akan menguruskan bahagian kewangan perniagaan Nasi Kak Wook?
41. Pernahkan puan mendapat tawaran menjadi katering untuk majlis-majlis? Seperti kenduri kahwin, pertunangan, akikah dan sebagainya.
42. Adakah puan mempunyai pelanggan tetap?
43. Pernahkan puan didatangi pelanggan luar dari kelantan hanya untuk Nasi Kak Wook?
44. Berapakah anggaran pelanggan puan dalam sehari?
45. Berapakah anggaran masa yang diperlukan untuk menghabiskan jualan?
46. Berapakah pekerja yang ada di cawangan ini?

47. Berapakah jumlah pekerja untuk seluruh cawangan?
48. Apakah kriteria pekerja yang dipilih untuk bekerja di perniagaan Nasi Kak Wook ini?
49. Apakah kelulusan yang diperlukan untuk bekerja di perniagaan Nasi Kak Wook ini?
50. Dari manakah puan mendapat pengedar bahan – bahan mentah?
51. Berapakah kuantiti ayam yang diperlukan untuk sehari?
52. Berapakah kuantiti beras yang diperlukan untuk sehari?
53. Berapakah kuantiti sayur yang diperlukan untuk sehari?
54. Adakah puan mempunyai pengedar daripada luar Malaysia? Seperti Thailand atau negara lain.
55. Adakah setiap cawangan menggunakan pengedar yang sama?
56. Adakah pengedar tersebut menyediakan perkhidmatan penghantaran atau sebaliknya?

## **INOVASI**

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, perniagaan Nasi Kak Wook menjadi tarikan di seluruh Malaysia.

57. Apakah perkembangan dan pembaikan yang telah puan lakukan sepanjang menguruskan perniagaan Nasi Kak Wook?
58. Bagaimanakah puan mempromosikan jualan puan?
59. Landasan apakah puan gunakan untuk mempromosikan jualan puan? Seperti surat khabar, radio, televisyen, sosial media dan sebagainya
60. Apakah sosial media yang digunakan untuk mempromosikan jualan puan?
61. Siapakah yang mengendalikan sosial media tersebut?

62. Berapakah modal yang digunakan untuk mempromosikan jualan?
63. Pernahkah puan memperluaskan kedai puan?
64. Berapakah bajet yang dihabiskan untuk memperluaskan kedai puan?

## **MASALAH DAN ISU**

Beralih ke sesi seterusnya, sepanjang perniagaan Nasi Kak Wook ini berjalan, pasti ada masalah dan isu yang berbangkit yang menyebabkan perniagaan Nasi Kak Wook terganggu.

65. Bolehkan puan berkongsi serba sedikit tentang masalah yang sering dihadapi oleh perniagaan Nasi Kak Wook?
66. Apakah kesan yang dihadapi oleh perniagaan Nasi Kak Wook puan daripada masalah tersebut?
67. Mengikut pandangan puan, bagaimanakah masalah ini boleh berlaku?
68. Apakah tindakan puan bagi mengatasi masalah ini?
69. Pernahkah puan menerima komen negatif daripada pelanggan puan?
70. Pernahkah puan menerima komen positif daripada pelanggan puan?
71. Dalam bentuk apakah puan menerima komen-komen tersebut, sebagai contoh dalam bentuk surat, mesej, komen di Facebook dan sebagainya?
72. Adakah puan mempunyai persaingan disekitar kawasan perniagaan Nasi Kak Wook puan?
73. Bagaimanakah puan mengatasi masalah pesaing daripada luar dan dalam?
74. Pernahkah puan mengalami masalah kewangan dalam perniagaan Nasi Kak Wook?
75. Pernahkah perniagaan Nasi Kak Wook ini mengalami kecurian?
76. Pernahkah perniagaan Nasi Kak Wook ini mengalami kebakaran?

77. Pernahkah berlakunya perbalahan di antara adik-beradik puan berkaitan perniagaan Nasi Kak Wook ini?
78. Pernahkah berlakunya pergaduhan di antara majikan dan pekerja?
79. Apakah keputusan yang paling sukar yang pernah puan lakukan sepanjang perniagaan Nasi Kak Wook ini?
80. Sekiranya perniagaan Nasi Kak Wook puan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang, apakah tindakan puan?
81. Berikan contoh di mana puan pernah melakukan kesilapan dan bagaimanakah puan menguruskannya.
82. Adakah puan terlintas untuk membuka cawangan baru?
83. Adakah puan terlintas untuk membuka cawangan luar dari Kelantan?
84. Sekiranya puan ingin membuka cawangan baru di luar Kelantan, di manakah negeri yang akan dipilih?
85. Bagaimankan pihak puan memilih lokasi perniagaan Nasi Kak Wook untuk setiap cawangan?
86. Bagaimanakah pembahagian cawangan perniagaan Nasi Kak Wook diantara adik beradik puan?
87. Apakah strategi puan untuk mengekalkan perniagaan Nasi Kak Wook ini?

## HAK CIPTA TERPELIHARA

Hak cipta terpelihara sangat penting dalam sesebuah perniagaan di Malaysia. Berdasarkan sesi temuramah sebelum ini, puan telah menyatakan bahawa Nasi Kak Wook telah mengambil tindakan terhadap peniaga luar yang telah menggunakan jenama Kak Wook tanpa kebenaran. Hal ini telah dibuktikan melalui artikel daripada Berita Harian Online.

88. Melalui perkara di atas, adakah puan telah berdaftar resepi dan nama perniagaan ini di bawah hak cipta terpelihara?
89. Bilakah puan berdaftar di bawah hak cipta terpelihara?
90. Sejak bilakah perniagaan Nasi Kak Wook ini mula curi dan dimanipulasi?
91. Bagaimana puan mengetahui masalah ini?
92. Apakah tindakan pertama puan selepas mengetahui masalah ini?
93. Adakah masalah ini terjadi selepas puan berdaftar dengan hak cipta terpelihara?
94. Adakah masalah ini terjadi sebelum puan berdaftar dengan hak cipta terpelihara?
95. Adakah puan pernah melaporkan masalah ini pada pihak berkuasa?
96. Apakah tindakan dari pihak berkuasa berkenaan masalah ini?
97. Apakah kesan masalah ini kepada perniagaan Nasi Kak Wook puan untuk jangka masa pendek?
98. Apakah kesan masalah ini kepada perniagaan Nasi Kak Wook puan untuk jangka masa panjang?
99. Apakah pesanan puan terhadap perniagaan yang tidak berdaftar?

## **HARAPAN DAN NASIHAT**

Baiklah. Pada sesi akhir ini:

100. Apakah harapan puan terhadap perniagaan Nasi Kak Wook Nasi Kak Wook?
101. Siapakah yang akan meneruskan legasi Nasi Kak Wook?
102. Apakah harapan puan kepada anak-anak muda di Kelantan tentang bidang perniagaan berkaitan makanan traditional Kelantan?

Demikian tadi temubual mengenai pengalaman Puan Mastura sebagai pengasas Nasi Kak Wook yang ditubuhkan pada 1984 hingga kini. Kami mengucapkan jutaan terima kasih diatas kesudian beliau dalam memberikan maklumat mengenai Nasi Kak Wook. Semoga hasil rakaman ini akan memberi manfaat kepada pendengar, penyelidik dan generasi akan datang. Sekian.

# **LOG WAWANCARA**

### LOG WAWANCARA

Berikut merupakan temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Nur Hazira Nadira Harisi, Nabilah Aqmar Razali dan Nor Amira Ibrahim bersama Puan Mastua mengenai pengalaman beliau sepanjang menguruskan perniagaan Nasi kak Wook. Temubual ini dijalankan di rumah Puan Mastura, Telipot, Kota Bharu. Kelantan pada 4 Mei 2018. Satu rakaman audio dibuat untuk tujuan kajian pembelajaran.

Masa	Perkara Yang Dibincangkan	Nama / Tempat rujukan
0.00.36	Latar Belakang Tokoh	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Mastura Binti Ibrahim</li><li>2. 46 tahun</li><li>3. Kampung Lundang</li><li>4. Encik Abdul Aziz Bin Ahmad</li><li>5. Kampung Dewan Beta</li></ol>
0.02.07	Pendidikan	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Sekolah Menengah Kebangsaan Zainab</li><li>2. SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]</li></ol>
0.02.52	Pencapaian & Pengiktirafan	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Tiada pengiktirafan</li></ol>
0.04.55	Maklumat Perniagaan	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Mula pada tahun 1970</li><li>2. Mek Wook Binti Hasan</li><li>3. Jalan Telipot, Kota Bharu</li><li>4. Lapan cawangan</li></ol>
0.37.34	Inovasi	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Tidak ada perniagaan kecil asalkan memberi manfaat kepada semua</li><li>2. Membuka satu pusat makanan</li></ol>



0.42.00	Masalah dan Isu	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Penggunaan nama Kak Wook</li> <li>2. Tohmahan daripada orang sekeliling</li> <li>3. Menerima banyak komen negatif</li> </ol>
1.10.20	Hak Cipta Terpelihara	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. SSM [Suruhanajaya Syarikat Malaysia]</li> <li>2. Income Tax</li> <li>3. Kastam</li> <li>4. Chef Sabri</li> </ol>
1.24.35	Harapan dan Nasihat	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peniagaan</li> <li>2. Legasi</li> <li>3. Anak muda</li> </ol>

# DIARI KAJIAN

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	TINDAKAN	CATATAN
08.00 am - 09.00 am	19 Mac 2018	Mencari keratan akhbar berkaitan dengan pemiagaan Nasi Kak Wok di Kelantan	Banyak keratan akhbar berkaitan Nasi Kak Wok.
09.00 am - 10.00 am	26 Mac 2018	Mencari maklumat usahawan Nasi Kak Wok di internet.	Sukar mendapat maklumat berkenaan nombor telefon pemilik.
	2 April 2018	Mendapatkan pengesahan daripada pensyarah berkenaan makanan yang dipilih.	Mendapat kelulusan daripada pensyarah
12.00 pm - 01.00 pm	6 April 2018	Pergi ke restoran Nasi Kak Wook di Kubang Kerian.	Mendapat nombor telefon dan serba sedikit maklumat berkenaan orang yang harus dihubungi.
08.00 am -- 09.00 am	23 April 2018	Buat soalan berkenaan tajuk temu bual.	.Mendapat kelulusan soalan daripada pensyarah.
09.00 am - 11.00 am	28 April 2018	Berjumpa dengan Pn Mastura di restorannya untuk memberikan soalan dan mengesahkan	Terdapat kesukaran kerana masalah sekeliling berkenaan Pilihanraya 14 and audit di tempat kerjanya

08.00 am - 09.00 am	30 April 2018	Menghubungi Pn Mastura untuk pengesahan tarikh buat kali kedua.	Pn Mastura memberi tarikh sebelum Pilihanraya ke 14 iaitu 1 Mei pada hari cuti pekerja.
10.00 am - 11.00 am	1 Mei 2018	Menghubungi Pn Mastura sebelum berangkat pergi ke restorannya.	Pn Mastura membuat pertukaran tarikh pada 4 Mei 2018 pada hari Jumaat.
10.30 am - 02.00 am	4 Mei 2018	Pergi ke restoran Pn Mastura di Telipot.	Penukaran tempat dari restoran ke rumah Pn Mastura di belakang Sekolah Zainab 2.
02.00 pm - 2.30 pm	4 Mei 2018	Sesi temu bual berakhir dan penyampaian cenderahati.	Temu bual berakhir dengan berjalan lancar.

# INDEKS

## INDEKS

### **A**

*Adik-beradik* 7, 12, 27, 28, 29, 49

*Anak-anak* 10,40,42,51

*Anggaran* 16, 17

*Arwah* 12, 13, 15, 20, 22, 26, 27, 35

### **B**

*Bahan mentah* 15, 17, 18

*Berasal* 2

*Berdaftar* 9, 34, 38

*Bergabung* 13

*Bimbang* 15

*Budaya* 5

### **C**

*Cabaran* 22, 23, 36

*Cahaya mata* 1

*Canang* 30

*Cawangan* 2, 13, 14, 17, 18, 20, 24, 30, 31, 32

*Cheff* 41

*Copyright* 35

### **D**

*Dunia* 9, 30, 38, 39

## **F**

*Facebook* 25

*Feedback* 25

*Food center* 21

## **G**

*Gambar* 15

*Gambaran* 9

*Generasi* 4, 9, 12, 15, 23, 30, 31, 33, 39, 42

*Gulai* 14

## **H**

*Hak cipta* 34

*Happy hour* 21

*Harta intelektual* 4, 23, 34, 38

*Hidang* 11, 12, 13, 15, 17, 32

## **I**

*Implikasi* 16, 27

*Inovasi* 20

*Intelektual* 4, 23, 34, 38

## **J**

*Jualan* 17, 21

## **K**

*Kasih Sayang 10, 11, 21*

*Kecil 20, 22, 26, 27, 36*

*Kelab 31*

*Kemahiran 1*

*Kewangan 13, 14, 27, 46, 48*

*Komersial 9, 11*

*Komuniti 12, 40*

*Konteks 4*

## **L**

*Lokasi 13, 32*

## **M**

*Manage 14, 28*

*Menggertak 31*

*Menu 7, 8, 10, 12, 13, 22, 32, 36*

*Modal 40*

*Modul 41*

## **N**

*Negatif 24, 25*

*Negeri 31*

## **O**

*Otak 42*



## **P**

*Pekerja* 2, 6, 8, 17, 18, 28, 29, 38

*Pelanggan* 10, 14, 15, 16, 20, 32, 35, 36, 37

*Pengalaman* 2,6,7,8, 31, 38

*Pengedar* 18, 19

*Peniaga* 10, 13, 22, 34, 38

*Pensyarah* 41

*PERKESO* 29

*Potensi* 6, 8, 9, 13, 21, 23, 27, 38

*Produk* 39

*Profesional* 40

*Promosi* 21

## **Q**

*Quit* 28

## **R**

*Ramai* 2, 10, 22, 24, 25, 26, 33, 36, 37

*Restoran* 2, 41

*Royal* 31

## **S**

*Sambal* 11, 36, 37

*Sekolah* 2, 3, 8, 16

*Sensitif* 15

*Serve* 11, 13, 15, 17, 33

*Strategi* 33

*Survive* 5, 41

## **T**

*Tambahan 6*

*Tawaran 14*

*Tohmahan 22, 23*

*Traditional 7, 40*

*Tumpuan 23*

## **U**

*Undang-undang 23, 29, 30*

## **V**

*Variasi 13, 21, 32*

*Versi 5, 12*

*Viral 38*

*Vision 13, 21, 30*

## **W**

*Warisan 21, 33, 36, 39*

*Wujud 5, 21, 22, 38*

## **Z**

*Zaman 20, 25, 38*

# RUJUKAN

## RUJUKAN

(Mastura Ibrahim, personal communication, 4 May, 2018)

Abdul Jalil Ali. (2016, Julai 28). Nasi Kak Wook vs Nasi Kandar. *Sinar Harian Online*. Retrieved from <http://www.sinarharian.com.my/kolumnis/abdul-jalil-ali/kak-Wook-vs-nasi-kandar-1.546060>

BHplus. (2016, March 17). Jenama nasi kak Wook dipatenkan. *BH Online*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/node/134407>

Ciplak Nasi Kak Wook, saman dalam tiga bulan. (2018, March 19). *Malaymail Online*. Retrieved from <http://www.themalaymailonline.com/print/projekmmo/berita/ciplak-nasi-kak-wook-saman-dalam-tiga-bulan>

Jabatan Penerangan Malaysia. (2009). Buku Rasmi Tahunan: Negeri Kelantan. Buku Malaysia

Makanan tradisi yang dilupakan. (2014, July 25). *Utusan Malaysia Online*. Retrieved from [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20140725/ke\\_03/Makanan-tradisi-yang-dilupakan?t=123#ixzz5BQwPSPmr](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Keluarga/20140725/ke_03/Makanan-tradisi-yang-dilupakan?t=123#ixzz5BQwPSPmr)

Mastura Abdul Kasim. (2017, Oktober 28). Kenapa nasi kak Wook digilai ramai> ini puncanya. Retrieved from <http://www.rasa.my/kenapa-nasi-kak-Wook-digilai-ramai-resepi-inilah-jadi-puncanya/>

Miss Cempaka. (2017, August 7). Antara makanan tradisi yang popular di Kelantan. Retrieved from <http://www.orangkelantan.com/antara-makanan-tradisi-yang-popular-di-kelantan.html>

Nasi Kak Wook' Owners May Take Legal Action. (2018, March 09). *Malaysian Digest*. Retrieved from <http://malaysiandigest.com/news/727228-nasi-kak-wook-owners-may-take-legal-action-myipo.html?tmpl=component&print=1&layout=default&page=>

Wartawan Sinar Harian. (2018, March 2018). Apa dah jadi dengan Nasi Kak Wook?. *Sinar Harian Online*. Retrieved from <http://www.sinarharian.com.my/edisi/kelantan/apa-dah-jadi-dengan-nasi-kak-wook-1.806909>

Zaimah. (2017, April 17). Sejarah dan asal usul nasi Kak Wook. Retrieved from <https://iluminasi.com/bm/sejarah-asal-nasi-kak-wook.html>

# LAMPIRAN

## SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI

Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan: MASURA BT IBRAHIM Pada 4/5/2018

Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.

Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.

Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengusai (interviewee).


Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll, sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dan (tarikh)

Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan

Pengisahan (Toko)

  
Prof. Madya Dr. Hj. Ghazali Osman,  
Ketua Pusat Pengajian  
Fakulti Pengurusan Maklumat, Fakulti  
Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi  
& Fakulti Undang-Undang  
UiTM Cawangan Kelantan  
Kampus Machang

**GAMBAR**



Gambar 1: Lokasi Kedai Nasi Kak Wook Cawangan Telipot, Kota Bharu, Kelantan



Gambar 2: Dari kiri Nor Amira Ibrahim, Nur Hazira Nadira, Puan Mastura Ibrahim dan Nabilah Aqmar Razali





**Gambar 3: Penyampaian cenderamata kepada Puan Mastura Binti Ibrahim**